



MALAYSIA

Hari Khamis
18hb Julai, 1974

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 1757]

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN 18 (2) [Ruangan 1818]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 1820]
USUL-USUL:

Aturan Urusan Mesyuarat [Ruangan 1820]

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1973 dan (Tambahan) (Bil. 1), 1974 [Ruangan 1847]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Politeknik Ungku Omar [Ruangan 1821]

Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Peruntukan-peruntukan Sementara) (Pindaan) [Ruangan 1832]

Rang Undang-undang Kumpulanwang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) [Ruangan 1843]

Rang Undang-undang Acara Kewangan dan Kumpulanwang Pembangunan (Pindaan) [Ruangan 1845]

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1973 dan 1974) [Ruangan 1846]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Malam Kebudayaan Chun Lei [Ruangan 1871]

DICETAK OLEH

MOHD. DAUD BIN ABDUL RAHMAN, J.S.M., KETUA PENGARAH PERCETAKAN
SEMANJUNG MALAYSIA, KUALA LUMPUR
1974

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEEMPAT

Hari Khamis, 18hb Julai, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru Timur).
- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J. K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Menteri Penerangan dan Menteri Tugas-tugas Khas, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Segamat Utara).

- Yang Berhormat** Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, K.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SBRI (Johor Timur).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungai Patani).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).

Yang Berhormat TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

- ” TUAN CHAN YOON ONN, A.M.P. (Ulu Kinta).
- ” TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- ” DR CHEN MAN HIN (Seremban Timur).
- ” DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- ” TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- ” TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- ” TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- ” TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- ” TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- ” DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- ” TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- ” TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- ” TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- ” TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- ” TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- ” TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- ” TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- ” TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- ” TUAN JAWAN ANAK EMPALIENG (Rejang).
- ” DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S. (Bandar Sibu).
- ” TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- ” TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- ” TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- ” DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- ” TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- ” TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- ” TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- ” DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- ” TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- ” TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- ” DATUK DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., J.M.N., P.J.K. (Kuantan).
- ” TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- ” TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).

Yang Berhormat TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).

- „ TAN SRI HAJI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, S.M.S., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN, A.M.P. (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPEHN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).

Yang Berhormat TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).

- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Kewangan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V.T. SAMBANTHAN S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).

- „ Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ DATUK STEPEHN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am, PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).

- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N., J.P. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suher bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

BENTARA MESYUARAT

Mejar Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

MINYAK DI SARAWAK— HASIL KERAJAAN

1. Datuk James Wong Kim Min minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah angka terbaru mengenai hasil Kerajaan yang terdapat daripada minyak di Sarawak dalam tahun 1973 dan berapa peratus pergi kepada Kerajaan Negeri Sarawak.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, angka terbaru mengenai hasil Kerajaan yang terdapat daripada minyak di Sarawak dalam tahun 1973 ialah \$27.4 juta dan jumlah yang diterima sebagai Hasil Negeri Sarawak sedang dalam perundingan dengan Kerajaan Negeri sekarang ini.

Datuk James Wong Kim Min: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, may I ask whether this oil comes from the off-shore of Sarawak?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: (*Dengan izin*) Mr Speaker, the oil comes from off-shore.

Datuk James Wong Kim Min: Mr Speaker, Sir, could the Minister enlighten the House, in the case of the oil which will ultimately be obtained from the Continental Shelf, what will be the percentage of revenue that will accrue to the State of Sarawak?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Mr Speaker, Sir, the matter is still under negotiation with the Sarawak State Government.

Datuk James Wong Kim Min: Mr Speaker, Sir, may I ask the Honourable Minister what precautions or steps are being taken to check on the oil which is being produced by the Shell Oil Company to ensure that we get the right quantity of oil produced and that we do not lose any revenue as a result of probably mistakes and improper checking?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Mr Speaker, Sir, normally there is a metering system which will tell us how much oil is being produced and the officials from the Mines Department go to check it off and on.

Datuk James Wong Kim Min: Mr Speaker, Sir, in view of the fact that there are Customs Officers to check even on very small amount of goods being brought in by individuals and other goods which are exported or imported into the country, which are of very small value comparatively, can the Honourable Minister enlighten this House whether there are any Customs Officers stationed on the spot day and night where this oil is being pumped?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Mr Speaker, Sir, I am not sure about that. I will find it out for the Honourable Member.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi ada mengatakan Negeri Sarawak menerima 27% hasil bumi. Saya hendak bertanya apakah sebabnya rakyat di Sarawak tidak menerima faedah daripada hasil-hasil.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Saya tidak pernah bercakap demikian.

Tuan Ng Hoe Hun: Saya tidak faham.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri tidak pernah bercakap demikian.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri bersetuju dengan saya rakyat di Sarawak ada menerima faedah daripada hasil minyak yang dikeluarkan di negeri itu. Apakah sebabnya harga petrol dan petroleum product di Negeri Sarawak naik? Bolehkah harga minyak petrol dan petroleum products diturunkan di Negeri Sarawak?

Tuan Yang di-Pertua: Dalam soalan ini tidak ada menyebutkan soal harga.

Tuan Ng Hoe Hun: Perkara ini mengenai hasil yang didapati oleh Negeri Sarawak.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu bersabar sedikit ada lagi soalan yang menyentuh soal yang demikian.

Datuk James Wong Kim Min: Mr Speaker, Sir, may I ask the Honourable Minister whether it is proposed to give a bigger percentage of revenue to the State of Sarawak for oil produced in 1973, in view of the huge millions of dollars shortfall which was budgeted by the State Government of Sarawak in anticipation of the revenue expected for 1973?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Sarawak dan Kerajaan Pusat adalah bekerjasama sangat rapat. Kita pun sangat faham kedudukan kewangan Negeri Sarawak, dan perundingan telah dijalankan dan segala perkara-perkara ini akan ditimbangkan bersama-sama.

Datuk James Wong Kim Min: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana anggaran di Sarawak pada tahun 1973 sudah sangat kurang lebih daripada \$19 juta, kalau saya tidak salah dalam estimate, jadi yang betul diterima ialah \$1.1 juta kalau Ahli Yang Berhormat dari Payang boleh ingat. There is a big shortfall, Sir, and I believe that that shortfall was as a result of the over-enthusiasm the State Government had in expecting the Federal Government to be more generous in the allocation of revenue for the State of Sarawak. In view of the fact that this was in 1973 and we are now in 1974, could the Minister therefore give a decision on this matter to the House accordingly?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Mr Speaker, Sir, as far as I know, if we take into account the overall financial allocations to Sarawak, I think the Federal Government has been very generous because we can trust the State Government to do well.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Miri-Subis ialah seorang ahli perusahaan minyak, tetapi Yang Berhormat bukan ahli perusahaan minyak.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham. Boleh saya bertanya?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh!

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin hendak bertanya dalam bahasa Inggeris, sebab Menteri menjawab dalam bahasa Inggeris (*Ketawa*).

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, just now the Honourable Minister replied that revenue collected from the oil wealth from Sarawak constitutes about 27%. That 27% has been given to the Sarawak State Government. My question is, will the Central Government give 50% of the revenue to Sarawak so as to develop Sarawak into a better State for the people of Sarawak?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Saya pun tidak tahu dari mana Ahli Yang Berhormat dapat statistik tersebut. Apa yang saya tahu itu semuanya salah (*Ketawa*).

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu hasil yang dapat daripada minyak berapa peratus diberi kepada Negeri Sarawak?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Saya sudah jawab soalan itu.

Datuk James Wong Kim Min: Mr Speaker, Sir, may I ask for a clarification by the Honourable Minister whether he was referring to the revenue from oil or he was referring to the overall assistance given by the Federal Government to the State when he said that the Federal Government has been over-generous to Sarawak?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Mr Speaker, Sir, I said "overall".

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu dalam ringgit, berapa banyakkah Negeri Sarawak dapat daripada hasil minyak?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Soalan ini pun saya sudah jawab tentang perundingan tadi.

Tuan Ng Hoe Hun: Yang Berhormat Menteri jawab dalam percent. Saya mahu tahu dalam ringgit.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Saya fikir saya sudah jawab dua kali; saya kata perkara ini sedang dirundingkan.

Tuan Ng Hoe Hun: Terima kasih.

SIMEN—KEKURANGAN BEKALAN

2. Dr Tan Chee Khoo (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) sebab-sebabnya kekurangan simen pada masa sekarang di negara ini;
- (b) langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi kekurangan ini.

Timbalan Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kekurangan simen yang dilaporkan pada masa sekarang di negara ini adalah disebabkan oleh permintaan (demand) yang berlebihan berikutan dengan pesatnya pelaksanaan projek-projek pembangunan baik di sektor awam mahupun di sektor swasta. Keupayaan kilang-kilang simen yang ada sekarang iaitu Associated Pan Malaysia Cement Sdn. Bhd., Tasek Cement Bhd., dan Malayan Industrial Mining Company adalah terhad ke jumlah 1,350,000 tan simen pada setahun. Syarikat-syarikat ini telah semenjak tahun 1973 lagi mengeluarkan simen pada kadar maksima masing-masing.

Sebaliknya keperluan simen berdasarkan kepada keperluan projek-projek Kerajaan dan Swasta pada ketika ini adalah dianggarkan sebanyak 1,450,000 tan setahun, bermakna ada kekurangan simen di negara ini lebih kurang 100,000 tan.

- (b) Untuk mengatasi kekurangan ini Kerajaan telah mengambil langkah-langkah jangka pendek yang segera serta langkah-langkah jangka panjang untuk memenuhi keperluan simen yang akan bertambah dalam masa akan datang, sesuai dengan kadar pembangunan negara.

Kerajaan talahpun bersetuju untuk mengurangkan cukai impot simen daripada \$12 satu tan ke \$2 satu tan untuk mengelakkan impotan simen. Satu sekim peruntukan simen kepada kontraktor-kontraktor yang menjalankan projek-projek Kerajaan telah dilaksanakan. Di bawah sekim ini kontraktor-kontraktor Kerajaan ada diberi keutamaan untuk mendapat bekalan

simen yang mencukupi melalui pembahagi-pembahagi yang sedia ada dari pekilang-pekilang simen.

Sebagai langkah jangka panjang pula Kerajaan telah meluluskan tambahan pengeluaran (expansion of capacity) kepada kilang-kilang yang sedia ada sekarang. Adalah dijangka dengan cara ini lebih kurang 750,000 tan simen akan dikeluarkan dalam tahun 1976.

Selanjutnya, Kerajaan telah juga meluluskan penubuhan empat kilang simen baharu. Satu daripada empat kilang simen yang baharu itu ialah Syarikat Cement Industries of Malaysia di Perlis. Kilang ini dijangka akan memulakan pengeluarannya sebanyak 250,000 tan simen setahun pada awal tahun 1975.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menyatakan pada masa sekarang ada kekurangan 100,000 tan dan beliau telah menerangkan langkah-langkah pendek dan panjang untuk mengatasi masalah terhadap kontrekter-kontrekter di tanahair kita, beliau menyatakan Kerajaan telah mengurangkan \$2 cukai impot. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan, adakah pengimpotan simen ini ada terhad atau tidak, atau semua contractors boleh mengimpot simen daripada mana-mana tempat yang sesuai?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, bagaimana yang saya terangkan, oleh kerana hendak menggalakkan pengimpotan simen maka Kerajaan turunkan kadar cukai impot simen daripada \$12 setan kepada \$2 setan yang bermakna kita menggalakkan sesiapa contractor ataupun pengimpot yang suka mengimpot simen itu di galakkan impot simen.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan. Ini bermakna tidak ada sekatan ataupun quota tentang pengimpotan simen. Soalan tambahan saya ialah adakah Menteri berkenaan sedar ada beberapa wholesalers yang dapat simen daripada kilang masing-masing di tanahair kita, mereka tidak menjual simen itu kepada kontrekter-kontrekter, tetapi kalau kontrekter-kontrekter itu membayar lebih—under the counter—mereka boleh dapat simen itu. Bolehkah Menteri berkenaan

siasat tuduhan ini, dan kalau benar mengambil tindakan yang keras terhadap apa yang boleh dikatakan penipuan oleh konirekter-kontrekter ini?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya sanggup menyiasat jika Ahli Yang Berhormat itu dapat memberikan keterangan-keterangan dan nama-nama wholesalers yang enggan menjual simen yang telah didapati daripada kilang itu kepada kontrekter-kontrekter dan sebagainya. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat itu barangkali Kementerian saya sudah memberi penerangan iaitu jika ada wholesalers yang menerima simen daripada kilang-kilang samada menyorok atau enggan menjual simen-simennya kepada kontrekter-kontrekter dan pengguna-penggunanya, saya minta memberitahu kepada Kementerian saya dan Kementerian saya dengan kerjasama kilang-kilang itu akan mengambil tindakan yang tegas.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sungguhpun Kementerian beliau ada mengambil langkah jangka pendek dan panjang untuk mengatasi kekurangan simen itu, masalah kekurangan simen ini bukanlah masalah yang baru timbul sekarang sahaja tetapi boleh dikatakan telah berlaku sejak setahun yang lalu. Dengan sebab itu, semua langkah-langkah gagal untuk mengatasi soal kekurangan simen. Sungguhpun harga ex-factory ialah \$3.75 satu beg, tetapi di dalam suratkhbar hari ini sudah dinaikkan kepada \$5. Bolehkah Yang Amat Berhormat Menteri memberitahu adakah kilang-kilang ini dapat izin atau kebenaran daripada Kementerannya untuk menaikkan harga ex-factory per beg simen itu?

Soalan kedua, keadaan harga di pasar gelap atau black market untuk mendapatkan bekalan simen itu adalah satu perkara yang sangat nyata melambung tinggi. Sungguhpun Kerajaan atau Kementerian berkehendakan bukti-bukti, tetapi perkara itu semua pihak samada kontrekter-kontrekter dan orang ramai telah mengetahui. Di dalam keadaan sekarang sangat susah untuk mendapatkan satu beg simen sungguhpun orang ramai sanggup membayar \$6.50 atau \$7. Bolehkah Yang Berhormat Menteri bertindak, pertama sekali untuk membolehkan lebih pengimpotan simen dan membatalkan semua sekali cukai impot simen yang sekarang ini cukainya \$2 bagi membolehkan lebih

banyak simen diimpot sebagai satu langkah jangka pendek. Langkah yang kedua bolehkah dibuat satu siasatan di seluruh negara untuk mengetahui keadaan yang sebenarnya iaitu sungguhpun Kementerian mendapat maklumat daripada kilang-kilang bahawa simen dibekalkan dengan harga 'ex-factory' yang tetap, tetapi kontrekter dan orang ramai tidak boleh dapat simen dengan harga yang ditetapkan.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, jawapan pada soalan yang pertama iaitu kenaikan harga simen yang baru ini yang dikeluarkan di dalam akhbar pada hari ini, kilang-kilang ini adalah mendapat kebenaran daripada Kerajaan bagi menaikkan harga simen daripada \$3.70 satu beg kepada \$5. Di sini saya hendak menerangkan kepada Dewan ini iaitu permohonan menaikkan harga simen ini telah disampaikan oleh kilang-kilang itu beberapa bulan dahulu. Permohonan ini telah dikaji dengan mendalam dan dengan teliti oleh Jawatankuasa Mengkaji Harga-harga, terutama sekali harga barang-barang keperluan, dan telah menasihatkan Kerajaan iaitu permohonan itu adalah menasabah. Dengan sebab dua faktor yang besar iaitu kenaikan harga minyak fuel oil, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia mengetahui kilang-kilang simen ini sangat banyak menggunakan minyak bagi membuat simen itu.

Keduanya, kenaikan harga beg kertas, dan dengan sebab kenaikan harga bahan barang-barang itu, maka kilang-kilang simen itu telah memohon kepada Kerajaan beberapa bulan dahulu dan permohonan itu bagaimana saya terangkan telah dikaji dengan mendalamnya, maka Kerajaan tidak dapat mengelak mempersetujui permohonan kilang itu dinaikkan kepada \$5. Sungguhpun permohonan kenaikan harga kilang itu adalah lebih daripada yang dipersetujui oleh Kerajaan sekarang, iaitu kilang-kilang itu memohon lebih lagi daripada \$5 satu beg.

Berkenaan pertanyaan kedua iaitu black market atau menyimpan dan menyorok simen ini disebabkan oleh kekurangan simen. Yang kedua, dengan sebab kerugian dan tidak ada kemampuan kilang-kilang simen itu mengeluarkan simen-simen itu dengan harga yang ada sekarang, maka kilang-kilang itu terpaksa dalam beberapa bulan ini

mengurangkan pengeluarannya dan disebabkan harga difikirkan tidak berpatutan dan itu mendatangkan kerugian kepada kilang-kilang itu. Inilah faktor-faktor yang menyebabkan kekurangan, daripada yang sudah-sudah. Kita berharap dengan persetujuan Kerajaan ini membenarkan harga simen itu dinaikkan kepada \$5 production kilang-kilang itu akan diteruskan dan kilang-kilang ini akan mengeluarkan maximum productionnya. Kerajaan mengetahui sebelum kenaikan harga simen kepada \$5 iaitu dalam pasaran orang ramai telah membeli simen dengan harga lebih daripada \$5. Jadi kebenaran Kerajaan menaikkan harga kepada \$5 itu memanglah berpatutan sangat.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, simen adalah bahan yang penting untuk pembangunan negara. Sebelum Rancangan Malaysia Kedua dijalankan pengilang-pengilang simen di Malaysia ini telah meminta atau memohon untuk extention atau membesarkan kilang-kilangnya. Oleh kerana Rancangan Malaysia Kedua akan berjalan dengan pesatnya, apa sebabnya Kementerian tidak meluluskan extention kilang-kilang itu dengan secepat mungkin, terutama sekali kilang simen di Rawang.

Yang kedua, banyak kilang simen hendak didirikan di tanahair kita dahulu telah dilarang oleh Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, kerana kononnya dikatakan kilang simen sudah cukup. Jika banyak didirikan kilang simen, maka banyak simen dikeluarkan dari negeri kita akan flooded atau penuh dengan simen dan simen itu tidak akan laku. Maka dengan sebab itu telah disekat pembinaan kilang-kilang simen, melainkan yang diluluskan supaya kilang-kilang simen itu mengekspot keluar negeri. Jadi, saya hendak bertanya pada masa yang akan datang kilang-kilang simen yang akan didirikan di dalam tanahair kita ini dibenarkan untuk menambahkan keperluan dalam tanahair kita ataupun diekspot keluar negeri?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Yang di-Pertua, sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah benar. Akan tetapi, kita hendaklah sedar iaitu bila menganggarkan keluaran simen daripada satu-satu kilang ataupun jumlah kilang-kilang yang ada, dan menambah kilang-kilang simen yang baru itu kita berdasarkan kepada keperluan simen di negara ini di dalam Rancangan Malaysia

Kedua kita. Boleh jadi anggaran kita iaitu penggunaan simen berbanding dengan kepesatan pembangunan negara ini boleh jadi lebih daripada yang kita jangka. Yang saya terangkan tadi iaitu pembangunan di negara kita ini, pembangunan rumah-rumah dan sebagainya adalah lebih pesat daripada yang disangka-sangka dan dijangka-jangkakan. Dan inilah sebabnya yang mendatangkan kekurangan. Kita boleh jadi silap, tetapi rasa saya berkenaan dengan rancangan itu tidaklah silap sebagaimana yang berlaku sekarang. Dan sekarang ini oleh kerana keperluan boleh jadi berganda-ganda daripada yang kita jangka itu maka inilah yang menyebabkan kekurangan. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat bercakap apa maknanya Kementerian dan Kerajaan bercermat hendak meluluskan kilang-kilang simen yang baru ini oleh kerana hendak menjaga supaya tidak ada over production simen jiran negara kita ini dan akan menjadikan kerugian dan mendatangkan kesulitan pada negara kita ini. Dan sekarang sudah terang kepada kita iaitu jangka dan angka-angka kita ialah tidak mencukupi dan boleh jadi tersilap maka seperti yang saya terangkan tadi Kerajaan telah mengambil langkah jangka panjang dan jangka pendek bagi hendak mengatasi masaalah ini.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Adakah Kerajaan tahu komplot-komplot simen (kilang-kilang simen ini dia berkomplot), iaitu beberapa kilang simen ini berkumpul kemudian kilang-kilang simen ini menubuhkan satu pasaran dia sendiri dinamakan satu syarikat lain, misalnya, Pioneer Malayan Cement. Komplot-komplot inilah yang menetapkan harga. Oleh kerana mereka ada satu association yang besar, maka dengan sebab itu Kerajaan tidak boleh berbuat apa-apa, dengan sebab itu dia boleh menaikkan dan boleh menurunkan harga. Apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan supaya komplot-komplot ini tidak berlaku dan akan menekan kepada Kerajaan dan rakyat?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya terangkan tadi satu daripada pengeluaran barang-barang perlu yang dijaga oleh Kerajaan ialah simen iaitu kilang-kilang ini tidak boleh menaikkan harga simen melainkan mereka itu dapat kebenaran daripada Kerajaan dan seterusnya kita menjaga dan

mengawal juga penjualan simen-simen ini oleh distributor-distributor dan juga wholesalers. Jika didapati wholesalers menjual simen lebih daripada harga yang berpatutan jika dilaporkan kepada Kementerian saya sebagaimana yang saya terangkan tadi, Kementerian saya akan mengambil tindakan yang tegas.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini samada Menteriannya ada sepeenuh kepercayaan bahawa selepas persetujuan dengan kenaikan harga ex-factory simen sebeg soalan pasaran gelap akan dihapuskan dan kekurangan simen di negara kita tidak timbul sekurang-kurangnya di masa ini dan oleh kerana harga di pasaran gelap pada masa ini ialah dekat \$7 sebeg. Apakah langkah-langkah Kementerian sekarang untuk menghapuskan pasaran gelap selepas kenaikan harga simen?

Soalan tambahan yang kedua, bolehkah Yang Berhormat Menteri timbang membatalkan semua cukai impot atas simen untuk memudahkan pengimpotan-pengimpotan simen di negara kita dan untuk menjamin bahawa orang-orang miskin tidak susah oleh kerana kenaikan harga simen ini?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pertanyaan yang pertama iaitu pasar gelap, kita ada jentera, iaitu Kempen Anti-Sorok. Barang-barang yang termasuk di dalam Kempen Anti-Sorok ini ialah simen. Saya tidak mengatakan iaitu saya jamin 100% tidak ada orang cuba menyorok dan mengadakan pasar gelap. Sungguhpun kita mengadakan Kempen Anti-Sorok, tetapi dengan adanya jentera ini, rasa saya akan memberi kesan dan akan memberi bekas supaya kalau ada wholesalers atau peniaga-peniaga yang hendak menyorok atau menjalankan pasar gelap berkenaan dengan simen ini jika ada maklumat yang terang yang disampaikan kepada Kementerian saya, saya berjanji akan mengambil tindakan yang setegas-tegasnya.

Yang kedua, berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat itu samada Kerajaan boleh menghapuskan sama sekali cukai impot simen. Sebagaimana yang saya terangkan, Kerajaan sudah mengurangkan cukai impot simen daripada kadar \$12 satu tan kepada \$2 satu tan—telah dikurangkan

\$10. Jika sekiranya dengan kekurangan cukai impot ini tidak juga akan dapat menggalakkan pendapatan simen daripada luar negeri Kerajaan akan menimbangkan samada dihapuskan terus ataupun dikurangkan lagi cukai impot.

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahan. Di dalam jawapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi mengatakan bahawa kilang simen ada 4 buah kilang simen lagi akan didirikan di Semenanjung Malaysia ini, satu daripadanya di Negeri Perlis. Adakah benar kilang simen yang didirikan di Perlis itu ialah daripada syarikat perkongsian (joint venture) di antara Kerajaan Negeri Perlis dengan satu syarikat asing dan adakah Timbalan Perdana Menteri mengetahui saham bahagian Negeri Perlis itu belum lagi dijelaskan. Jika tidak dibayar oleh Kerajaan Negeri Perlis itu, adakah Kerajaan akan membukakan saham itu kepada keseluruhan rakyat di negara ini, khususnya kaum bumiputra?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan pertama, saya mengetahui kilang itu memang joint venture di antara syarikat asing dengan S.E.D.C. Negeri Perlis.

Perkara yang kedua, saya tidak tahu butir-butirnya, dan jika berkehendakkan, saya akan menyiasat dan memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat.

Dr Tan Choe Khoo: Soalan tambahan. Menteri yang berkenaan menjelaskan bahawa kenaikan harga simen daripada \$3.70 sebeg kepada \$5 sebeg ialah dengan persetujuan Menteriannya dan perkara ini telah dikaji dengan sedalam-dalamnya. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan adakah di dalam siasatan ini Kementerian ada berhubung dengan beberapa persatuan pengguna-pengguna di tanahair kita. Jika tidak, mengapa tidak, itu soal yang pertama.

Yang kedua, di dalam penjelasannya juga menyatakan sebelum kenaikan harga simen ini, maka ada beberapa kilang simen tidak mengeluarkan maximum capacity oleh sebab mereka rugi. Dengan kenaikan harga ini bolehkah Menteri yang berkenaan menjelaskan bahawa ketiga-tiga kilang simen di tanahair kita boleh mengeluarkan simennya dengan maximum capacity? Jika mereka

tidak dikeluarkan dengan maximum capacity, maka timbullah kekurangan simen lagi dan harga simen di pasaran boleh dinaikkan. Bolehkah Menteri yang berkenaan menjelaskannya?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Jawapan kepada soalan yang pertama, sebagaimana yang saya terangkan tadi iaitu permohonan hendak menaikkan harga barang seperti simen ini adalah disampaikan, dikaji dan diselidiki oleh sebuah jawatankuasa iaitu the Price Review Committee. Saya tidak dapat hendak memberi jawapan bila the Price Review Committee ini menyiasat permohonan daripada kilang-kilang simen ini samada dia berhubung dengan pengguna-pengguna simen, saya akan siasat dan saya akan memberitahu, dan sebagaimana yang saya terangkan tadi benda ini adalah disampaikan dan dikaji oleh sebuah jawatankuasa dalam Kementerian saya.

Soalan yang kedua, itulah yang kita harapkan iaitu dengan persetujuan dan penerangan diberi oleh Kerajaan menaikkan harga simen ini kepada \$5 satu beg dan kita berharap kilang-kilang ini akan mengeluarkan simen ini dengan sepenuh-penuh capacity, kalau tidak kita akan berunding dan akan menyiasat, dan jika sesuai, akan diambil tindakan yang sewajarnya.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, Menteri yang berkenaan di dalam penjelasannya pun ada menyentuh tentang kenaikan harga simen, sebab yang penting atau besar ialah kenaikan harga minyak diesel oleh sebab kilang-kilang ini menggunakan banyak diesel, maka kos simen itu telah dinaikkan kerana mereka telah memohon izin untuk menaikkan harga simen. Adakah Menteri yang berkenaan sedar kenaikan harga diesel telah ada side effect? Inilah side effect yang paling penting kepada pemborong-pemborong di tanahair kita, dan adakah beliau sedar juga kenaikan harga simen ini boleh menyebabkan banyak side effect. Satu daripada side effect yang saya boleh sebutkan ialah harga bangunan atau bangunan baru yang akan dibina atau yang sedang dibina semua harganya akan dinaikkan dan barangkali ada lagi side effect.

Tuan Yang di-Pertua: Ini sudah melencung jauh di antara satu dengan lain. Tumpukan pertanyaan kepada simen, tidak ada kena-mengena dengan minyak dan lain-lain.

Kementerian tentu tahu di manakah side effectnya.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Kerajaan Malaysia ada beri subsidi kepada gula dan lain-lain barang. Adakah Kerajaan bercadang beri subsidi kepada simen?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Kerajaan belum ada niat hendak beri subsidi kepada simen lagi.

Datuk James Wong Kim Min: (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, the Honourable Deputy Prime Minister has said that they would not be allowed to have any increase in the price of cement without Government approval. Now, would the Honourable Deputy Prime Minister enlighten this House as to what margin of profit does the Government allow the cement industry, after allowing for the normal amortisation, interest charges, depreciation and so on to earn?

Tuan Yang di-Pertua: Itu pun saya jangka sudah melencung dan sudah jadi soalan lain. Ini soalan cuma berkenaan dengan shortage sahaja.

Datuk James Wong Kim Min: Mr Speaker, Sir, supplementary question.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan bertengkar dengan saya!

Datuk James Wong Kim Min: Mr Speaker, Sir, may I ask the Honourable Deputy Prime Minister to clarify what is the controlled price for cement for Sarawak per bag?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Ini untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat iaitu daripada penerangan yang telah diberi di Dewan ini dahulu berkenaan dengan kekurangan bekalan simen di Sarawak, kerana telah diterangkan iaitu Semenanjung Malaysia ini tidak mampu memberi bekalan kepada Sarawak dan Sabah, dan kedua-dua buah negeri ini berikhtiar sendiri mengimpot simen-simennya daripada luar negeri. Dan sebagaimana yang saya terangkan di sini iaitu pada jangka panjang Kerajaan telah meluluskan iaitu sebuah kilang simen di Sarawak samada di Kuching atau di Sibu, dan rasa saya Kerajaan Sarawak telah

mengambil langkah bagi membina kilang simen ini. Kebanyakan simen di Sarawak diimport daripada luar negeri.

Tuan Othman bin Abdullah: Soalan tambahan. Adakah jenis simen yang diimport daripada negeri Siam semuanya boleh digunakan oleh konterekter-konterekter yang membuat bangunan Kerajaan seperti Jabatan Kerja Raya, J.P.T., dan sebagainya? Dan apakah jenis cap buatan simen yang diakui oleh Kerajaan supaya mengurangkan beban konterektor-konterektor yang terpaksa membeli simen lebih daripada \$5 satu kampak dengan cara black market sekarang ini?

Tuan Yang di-Pertua: Import dari negeri mana? Saya kurang dengar tadi.

Tuan Othman bin Abdullah: Adakah jenis simen yang diimport daripada negeri Thai itu, sekarang ini saya dapat tahu di kawasan saya banyak simen masuk daripada negeri Thai melalui Padang Besar, Simen-simen itu dimasukkan dengan berbagai-bagai jenis cap, cap harimau, cap itu dan cap ini. Adakah jenis simen yang tersebut itu diakui oleh Kerajaan untuk buat bangunan-bangunan Kerajaan? Sepanjang yang saya tahu ada jenis-jenis simen yang tidak diakui oleh Kerajaan yang terpaksa juga konterektor-konterektor ini membeli simen black market atau simen daripada punca-punca yang mahal harganya. Saya hendak bertanya apakah jenis simen yang diakui oleh Kerajaan daripada simen-simen yang diimport itu?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Ini soalan lain.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan. Dari jawapan Yang Berhormat Menteri tadi menyatakan bahawa kalau diambil suatu kesimpulan bahawa ketika harga simen pada satu kampak \$3.70, cukai import dikenakan \$12 pada satu tan. Sekarang kita benarkan simen ini dinaikkan harga \$5 pada satu kampak, maka cukai import itu dikurangkan sehingga \$2 pada satu tan. Kemudian mengikut keterangan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi sebab-sebab kekurangan simen ialah kerana permintaan yang berlebihan dan beberapa bulan dahulu permohonan daripada kilang-kilang simen ini supaya dinaikkan harga. Apakah pandangan Timbalan Perdana Menteri pada fikiran orang ramai munasabah atau tidak kelulusan yang diberi oleh Kerajaan dengan

cara mengurangkan cukai import dari \$12 kepada \$2 pada satu tan kemudian dinaikkan harga simen dari \$3.70 sen kepada \$5 pada satu kampak?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Masaalah mengurangkan cukai import kerana kita import simen dari luar negeri. Ini kita menaikkan harga pada simen yang kita buat dalam negara kita.

Datuk James Wong Kim Min: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Timbalan Perdana Menteri memberi keterangan, adakah kilang simen akan ditubuhkan di Sarawak dan jika ada, bilakah akan ditubuhkan dan bilakah boleh kilang ini mengeluarkan simen untuk dijual kepada rakyat?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya terangkan tadi, Kementerian saya sudah meluluskan sebuah kilang simen di Sarawak, dan daripada maklumat yang saya dapat daripada Kerajaan Negeri itu, iaitu dalam tahun 1976 dapat mengeluarkan simen di negeri Sarawak. Angka yang ada di hadapan saya ialah 300,000 tan.

Tuan Hussein bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan. Mengikut keterangan Timbalan Perdana Menteri yang berkenaan beberapa bulan dahulu kilang-kilang simen telah merayu kepada Kerajaan supaya dinaikkan harga. Dan di waktu permohonan itu dibuat adakah Kerajaan sedar bahawa sebelum daripada hari Isnin lepas, sebelum daripada Kerajaan membenarkan kenaikan ini, kejadian menyembunyikan simen sehingga terlampau kurang di dalam negara kita ini telah dan berlaku mulai daripada hari ini simen yang telah disorokkan itu telah keluar dengan keadaan berlebihan-lebihan. Adakah perkara seperti ini telah sampai ke pengetahuan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu nampaknya perkara menyorok simen ini tidak disampaikan kepada Kementerian saya. Kalau ada disampaikan kepada Kementerian saya, maka Kementerian saya menjamin akan mengambil tindakan.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana

Menteri simen tidak ada, sebab itu kilang-kilang simen tidak mengeluarkan simen dengan banyak. Oleh kerana mereka takut lesennya dirampas oleh Kerajaan, mereka bekerja perlahan-lahan supaya kekurangan simen, dan terpaksa Kerajaan tunduk kepada permohonan mereka di atas harga yang dituntuti oleh mereka.

Pada masa yang akan datang apakah tindakan Kerajaan atau apa obatnya sekiranya kilang-kilang begini hendak mendapat untung lebih menaikkan harganya buat cara begini, sebab dia tahu bahan ini perlu kalau tidak ada orang bising terhadap Kerajaan.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, masalaah samada satu-satu kilang itu tidak menjalankan pekerjaannya dengan sepenuh-penuhnya dengan sebab-sebab yang tertentu dan menasabah, maka bagi pihak Kerajaan tentulah memberi pertimbangan. Jika sekiranya kilang-kilang ini mengambil kesempatan sengaja mengurangkan pengeluaran bahannya dengan sebab hendak mendapat keuntungan yang berlebihan tentulah Kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

KAWALAN HARGA BARANG TERKAWAL

3. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menguatkuasakan Kawalan Harga ke atas barang terkawal di kawasan-kawasan luar bandar dan sejauh manakah kejayaannya.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telahpun mengistiharkan 12 jenis barang-barang keperluan sebagai barang-barang yang dikawal di bawah Akta Kawalan Bekalan, 1961. Dari-pada 12 barang-barang tersebut, hanya tiga jenis barang sahaja yang mana harganya dikawal oleh Kerajaan iaitu gula, tepung gandum dan susu pekat manis. Ini bermakna pengeluar-pengeluar barang-barang ini tidak boleh menaikkan harga tanpa kebenaran Kerajaan terlebih dahulu. Kawalan harga ini adalah meliputi seluruh negara. Walau bagaimanapun, sedikit perbezaan terdapat di kawasan pedalaman dan di kawasan kampung-kampung yang jauh yang mana kos pengangkutan terpaksa ditambah ke atas harga yang diluluskan oleh Kerajaan.

Pegawai-pegawai penguatkuasa Kementerian saya adalah sentiasa menjalankan pemeriksaan ke kawasan-kawasan pedalaman dan luar bandar untuk mengawasi harga-harga yang dikawal oleh Kerajaan itu supaya perbezaan yang terdapat di bandar-bandar dan di luar-luar bandar itu tidak melebihi daripada kos pengangkutan yang diperlukan.

Setakat ini adalah didapati bahawa harga barang-barang yang dikawal itu di kawasan luar bandar adalah menasabah dan berpatutan dan tidak ada aduan yang diterima mengenai kekurangan bekalan barang-barang tersebut disebabkan oleh harga yang tinggi.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, adakah Kementerian beliau telah membuat rancangan ini sebagaimana yang dijelaskan di dalam jawapan beliau tadi terhadap negeri-negeri yang agaknya sukar menghantar barang-barang seperti di Bario, Bahagian Keempat di dalam kawasan saya. Oleh kerana pada masa ini saya dapati rayuan dari rakyat di Bario itu mengenai kenaikan tambang MAS dan juga barang-barang yang dihantar ke tempat itu sekarang sudah naik harga. Apakah tindakan sedang diambil oleh Kementerian Yang Amat Berhormat?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sangat sedar iaitu menguatkuasakan kawalan harga dan kawalan barang-barang ini pada Sarawak dan Sabah tentu membangkitkan kesulitan yang boleh jadi tidak dialami di sini. Oleh itu, Kementerian saya dengan Kerajaan Sabah dan Sarawak ada berunding samada kawalan ini sesuai diadakan di negeri Sabah dan Sarawak memandangkan keadaan-keadaan di sana.

CANDI LIMAS (PYRAMID SALES)—JUALAN

4. Tuan Richard Ho Ung Hun minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kementerian beliau akan mengadakan undang-undang untuk memberhentikan amalan "penjualan Candi Limas" (pyramid sales) oleh kerana amalan ini tidak mendatangkan keuntungan kepada orang ramai.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, setelah meneliti perjalanan syarikat-syarikat yang mengamalkan penjualan Candi Limas (Pyramid Sales) Kerajaan mendapati bahawa satu undang-undang perlu diadakan bagi memberhentikan amalan penjualan seperti ini. Satu rang undang-undang bagi tujuan ini sudahpun digubal dan dijangka akan dibentangkan di Parlimen tidak beberapa lama lagi.

MINYAK—KENAIKAN HARGA

5. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada beliau sedar bahawa kenaikan pusingan kedua harga petroleum dan minyak dalam tempoh enam bulan, kenaikan harga minyak lumas yang berulang-ulang, dan kenaikan harga gas masak sebanyak 40%, kesemuanya telah menambahkan lagi penderitaan orang-orang miskin dan mengapa Kerajaan membenarkan kenaikan seperti itu tanpa mengadakan terlebih dahulu satu siasatan awam supaya syarikat-syarikat dapat membuktikan bahawa kenaikan-kenaikan harga seperti itu adalah berpatutan, khasnya memandangkan hal yang ke semua syarikat minyak yang besar telah dilaporkan mendapat keuntungan yang belum pernah dialami daripada perniagaan-perniagaan antarabangsa dan anak kompeni anak kompeni.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat telah maklum harga minyak telahpun naik di peringkat negeri mula-mula pada 16hb Oktober, 1973 daripada US\$3 kepada US\$5.12 dan kemudian sekali lagi pada 1hb Januari, 1974 daripada US\$5.12 kepada US\$11.65. Oleh sebab kenaikan harga ini syarikat-syarikat pasaran minyak di Malaysia ini telahpun mengemukakan tuntutan untuk menaikkan harga. Kementerian saya dan kemudiannya Jawatankuasa Khas bagi penyemakan harga petroleum termasuk Perbendaharaan (Treasury) telahpun menyelidiki dan memeriksa segala kenyataan-kenyataan kewangan dan "balance sheet" yang ada pada Syarikat-syarikat minyak serta perjanjian-perjanjian mereka tentang membeli minyak daripada luar negeri.

Kerajaan sesudah menimbangkan semua data-data yang telah kita dapati itu setuju menaikkan harga seperti yang telah disiarkan pada bulan Mei tahun ini, sungguhpun

tuntutan-tuntutan daripada syarikat itu adalah lebih tinggi. Pengumuman keuntungan oleh syarikat-syarikat minyak adalah di peringkat antarabangsa seperti telah dapat kita baca dalam *Times* ataupun *Newsweek* dan keadaan ini tidaklah semestinya berlaku pada syarikat-syarikat minyak di dalam negeri kita ini, yang hanya berjalan sebagai syarikat tunggakan atau subsidiaries yang menjual minyak sahaja dan tidak menjalankan perniagaan lain.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam bulan Mei apabila Yang Berhormat Menteri mengumumkan kenaikan harga minyak kali kedua beliau ada menerangkan bahawa Kementerian apabila meluluskan kenaikan harga minyak, Kementerian ada menganggap keseluruhannya, atau dalam perkataan yang digunakan from the totality of it, dan sebab itu ada harga minyak premium dan minyak ordinary naik lebih di mana orang miskin akan dapat lebih kesusahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi tahu Dewan ini jikalau Kementerian ada mengkaji perkara harga minyak daripada "totality", kenapa selepas masa yang sangat pendek dua bulan sahaja dan tidak ada pergolakan atau pertukaran harga minyak di pasaran dunia, Kementerian lagi sekali membenarkan harga diesel dinaikkan. Sungguhpun tiga atau lima hari sebelum 25hb Jun tarikh Kerajaan membenarkan harga diesel naik, seorang jurucakap Kementerian Perusahaan Utama ada mengatakan dalam suratkhbar tempatan bahawa dalam tempoh tiga bulan tentu tidak ada apa-apa kenaikan harga minyak akan dibenarkan.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Ini semuanya betul, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat daripada latar belakangnya, maka kita faham mengapa Kerajaan terpaksa mengambil tindakan lagi, terutama sekali, apakala kita hendak berunding atas soal kenaikan harga akibat daripada kenaikan harga minyak pada 1hb Januari, maka kita minta kepada syarikat-syarikat semua audited accounts for the first quarter of 1974, yang kita tidak dapat pada masa kita menaikkan harga bulan Mei. Kita pada masa itu tidaklah membiarkan syarikat-syarikat minyak menaikkan sebanyak yang mereka tuntutan. Kita tekankan sedikit harganya (to be on the safe side) Tetapi apakala kita sudah nampak betul-betul bahawa tuntutan mereka

itu ada asas yang lebih kuat, sungguhpun belum complete lagi, dan oleh sebab akibat-akibat penambahan penggunaan minyak kerana minyak diesel di Johor itu lebih murah daripada di Singapura, maka kita terpaksa mengkaji semula keadaan itu. Dengan kata lebih panjang, apakala kita mengistiharkan harga pada bulan Mei harga diesel itu adalah lebih murah daripada Singapura, dan banyak lori-lori yang dahulunya, (sebenarnya lebih kurang hampir semua lori-lori yang selalu) pergi ke traditional supplier di Singapura terus berpaling kepada supplier-supplier di Johor dan ini membangkitkan masalah distribution dan supply dalam masa yang singkat dan tidak dapat diatasi seterusnya.

Faktor yang kedua ialah sebuah kilang penapis minyak sedang membuat programme shutdown supaya dapat service, maintenance machinenya dan merencanakan to extend the refinery untuk menambahkan capacity. Oleh sebab itu banyaklah sebenarnya timbul keperluan diesel dan minyak-minyak lain terpaksa kita beli daripada Singapura dan tidak dapat dikeluarkan dalam negeri ini. Harga minyak di Singapura seperti yang kita sudah checked ialah sebenar-benarnya lebih kurang 96 sen, dan cost pricennya adalah lebih tinggi daripada 96 sen dan oleh sebab kita mengenali keadaan realistik sebenar-benarnya untuk menjamin supaya supply situation tidak akan distorted, maka kita pindakan sedikit keputusan kita yang dibuat dalam bulan Mei itu.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri berpuas hati dengan audited accounts atau kira-kira yang berodit yang ditunjukkan oleh syarikat-syarikat minyak? Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa orang ramai tidak berpuas hati dengan keadaan atau dengan pendirian di mana syarikat minyak antarabangsa yang dapat berjuta-juta ringgit keuntungan mahu berkali-kali menaikkan harga minyak. Dan untuk memuaskan rakyat jelata, bolehkah Yang Berhormat Menteri mengadakan satu Suruhanjaya Harga Minyak (Oil Pricing Commission), di mana memberi peluang kepada syarikat-syarikat minyak menunjukkan kepada rakyat jelata mengenai keadaan audited accounts, rekod bekalan dan lain-lain untuk menunjukkan syarikat-syarikat minyak tidak memeras rakyat jelata dan pengguna-pengguna di Malaysia?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, barangkali perkara ini tidak berkehendakkan kepada Suruhanjaya kerana apakala yearly accounts company ini nanti keluar awal tahun baharu maka nampaklah bagaimana rupa kedudukan kewangan syarikat-syarikat ini. Sebenarnya walaupun kita rasa terpaksa meminda sedikit keputusan kita pada bulan Mei, dua syarat yang kita berikan kepada syarikat-syarikat minyak ialah bahawa mereka tidak akan mendapat untung melampau, kalau mereka membuat keuntungan yang lebih kita akan ambil balik atau tax balik keuntungannya hasil daripada kenaikan harga.

Yang kedua, mereka mestilah menjamin cukup bekalan minyak di dalam negeri ini. Mengenai soal keuntungan kompeni-kompeni minyak antarabangsa saya sendiri lebih tahu bahawa banyak syarikat-syarikat minyak telahpun berbuat keuntungan di peringkat antarabangsa, tetapi saya sendiri juga tahu kalau dilihat daripada segi returns to capital or shareholders, funds make banyaknya tidaklah tinggi. Dalam tahun 1973 kita nampak returns to shareholders' were something between 9% to 20%. Ini adalah saya fikir satu return yang biasa bagi kebanyakan perniagaan-perniagaan.

Walau bagaimanapun, soal ini adalah irrelevant bagi kita di Malaysia ini kerana kita tidak ada kuasa atas wang yang dipunyai oleh syarikat-syarikat yang bertempat di luar negeri. Kita hanya dapat melihatkan apa sebenarnya kedudukan syarikat dalam negeri ini dan kita telah diberitahu kalau tidak ada perubahan harga minyak dalam negeri ini, maka syarikat-syarikat dalam negeri ini mungkin akan tidak dapat cukup fund untuk membayarkan harga minyak yang sudah melambung naik hampir-hampir empat kali daripada 15hb Oktober, 1973. Keputusan menambahkan wang untuk membeli banyak lagi crude bukanlah keputusan yang dapat dibuat oleh syarikat-syarikat minyak dalam Malaysia ini, hanya headquarters atau ibu pejabat sebuah syarikat sahaja dapat memberi keputusan untuk memberi perbelanjaan lebih banyak lagi kepada syarikat pengkalan di beberapa negeri-negeri lain. Dan oleh sebab kesusahan ini maka kita tidak bolehlah mengirakan keuntungan di tempat lain, kerana barangkali kita tidak dapat memberi sebabnya mengapa kita mengambil keuntungan itu kalau keuntungan itu bukan berbangkit dalam Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6 hingga 59 adalah diberi di bawah ini)

SYARIKAT SERBAGUNA KERJASAMA NELAYAN

6. Tuan Abdul Rahman bin Sbri minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada beliau sedar bahawa kebanyakan Syarikat Serbaguna Kerjasama Nelayan merupakan perkongsian antara tuanpunya-tuanpunya bot sahaja, ahli-ahli biasanya ialah pekerja-pekerja yang bekerja dengan tuanpunya-tuanpunya bot itu bukan dengan Syarikat dan bahawa Syarikat itu hanyalah sebagai satu cara bagi tuanpunya-tuanpunya bot mendapatkan lesen-lesen pukut tunda. Jika sedar, adakah Kementerian beliau akan menimbang membuat peraturan-peraturan dalamana:

- (a) sebahagian daripada keuntungan syarikat itu akan digunakan untuk membantu ahli-ahli biasa misalnya untuk membeli bot-bot Syarikat itu sendiri;
- (b) tangkapan akan dibeli atau dipasarkan melalui Syarikat dan tuanpunya-tuanpunya bot tidak dibenarkan membeli tangkapan daripada pekerja-pekerja mereka; dan
- (c) keuntungan bersih yang didapati oleh tuanpunya-tuanpunya bot yang menjadi ahli-ahli Syarikat, setelah ditolak perbelanjaan hendaklah jangan melebihi 50% daripada hasil tangkapan.

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Sepanjang yang saya ketahui tidak ada Koperatif Nelayan seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Syarikat-Syarikat Kerjasama adalah terbuka kepada sesiapa juga yang menyokong pergerakan kerjasama. Tidak mungkin ada Koperatif Serbaguna Nelayan yang merupakan perkongsian antara tuanpunya-tuanpunya bot sahaja. Tiap-tiap ahli Syarikat Kerjasama mempunyai suara untuk memilih diantaranya yang akan memegang jawatan dalam syarikatnya, biasanya dilantik dengan cara pengundian. Urusan mana-mana Koperatif pun adalah tertakluk kepada keputusan dan penyeliaan yang dijalankan oleh Jawatankuasa Kerja yang dilantik oleh ahli. Jika

segulongan dari ahli-ahli Koperatif tidak bersetuju dengan keputusan Jawatankuasa ataupun cara urusan Koperatif diselenggarakan termasuk perkara-perkara (a), (b) dan (c) dalam soal Ahli Yang Berhormat itu. Perubahan baginya bolehlah dibuat melalui satu usul ketetapan dalam mesyuarat agong dan bukannya dengan arahan dari Kementerian.

LESEN MEMANDU— KAKITANGAN TAMBAHAN

7. Tuan Tan Cheng Bee minta Menteri Perhubungan menyatakan memandangkan kepada bertambahnya bilangan pemohon-pemohon bagi lesen-lesen memandu yang baru, di samping adanya bilangan besar pemohon bagi membaharui lesen-lesen memandu mereka setiap tahun di pejabat Pendaftaran dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor di setiap Negeri:

- (a) samada beliau dapat mengaturkan supaya kerani-kerani tambahan di tempatkan di pejabat-pejabat Pendaftaran dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor di tiap-tiap Negeri untuk menyelesaikan permohonan-permohonan ini dengan licin tanpa menyebabkan kelewatan yang tidak perlu kepada orang-ramai; dan
- (b) samada beliau dapat mengaturkan supaya penguji-penguji tambahan ditempatkan di pejabat-pejabat Pendaftaran dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor di setiap Negeri.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):

- (a) Tindakan telahpun diambil untuk menambah kakitangan di pejabat-pejabat Pendaftaran dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor yang mana menghadapi kesulitan.
- (b) Pengambilan 22 orang Penguji Derebar sedang diuruskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

KES-KES JENAYAH

8. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah minta Peguam Negara menyatakan:

- (i) samada beliau sedar bahawa banyak kes-kes jenayah tidak dapat diselesaikan dengan segera pada masa sekarang

yang mengakibatkan bilangannya bertambah banyak dan ini tidak menakutkan penjenayah di negara ini; dan

- (ii) apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan kes-kes ini dengan segera.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Kerajaan memang sedar bahawa banyak juga kes-kes jenayah yang didaftarkan di mahkamah-mahkamah belum dapat diselesaikan, tetapi sukarlah saya menegaskan bahawa perkara ini tidaklah begitu serious. Kelewatan ini bukanlah semata-mata disebabkan kekurangan Mejistret-mejistret ataupun Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Mahkamah tetapi juga ialah kerana beberapa sebab yang lain umpamanya saksi-saksi sendiri tidak dapat hadir, Peguam sendiri kadang kala meminta tangguh kerana usuran di mahkamah-mahkamah yang lain pula. Selain daripada itu perlu diingatkan beban-kerja yang dipikul oleh mahkamah-mahkamah semakin bertambah dengan banyaknya undang-undang baru yang dikuatkuasakan. Walau bagaimanapun Kerajaan sentiasa mengawasi hal ini dan tindakan yang telah diambil untuk mengatasi perkara ini termasuklah:

- (a) mengeluarkan arahan supaya semua Mejistret-mejistret dan Yang di-pertua Mahkamah Sesyen mengemukakan laporan mereka kepada Hakim masing-masing yang menunjukkan bukan sahaja bilangan kes-kes yang diselesaikan tetapi juga sebab-sebab mengapa satu-satu kes itu ditangguhkan;
- (b) menambahkan jawatan-jawatan Mejistret serta meminda Ordinan Terafik, 1958 supaya pihak polis diberi kuasa mengkompaun kesalahan-kesalahan kecil terafik dan dengan demikian meringankan beban kerja mahkamah;
- (c) mahkamah telah membenarkan seseorang yang melakukan kesalahan kecil supaya mengaku salah melalui surat sahaja;
- (d) mengambil semula pegawai-pegawai yang telah bersara yang berumur kurang daripada 60 tahun sebagai Mejistret-mejistret Sementara; dan
- (e) meminda Sekim Perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman untuk menjadikannya lebih menarik disamping

mengujudkan beberapa jawatan lagi di peringkat Tingkatan Tertinggi di dalam perkhidmatan tersebut.

GAS—HARGA

9. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada beliau sedar bahawa harga Shellane, Esso Gas dan lain-lain telah naik sebanyak 50% dan jika sedar, mengapakah kenaikan harga itu telah disetujui oleh Kerajaan.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Gas tidak termasuk senarai barang-barang kawalan. Oleh yang demikian Kerajaan tidak boleh menyekat kenaikan harga bahan itu. Syarikat-syarikat minyak menaikkan harga bahan itu berdasarkan kenaikan harga minyak mentah sebanyak 200%, dan mereka mencuba untuk mendapat semula (to recoup) keuntungan dari gas kerana kerugian yang mereka alami dari bahan-bahan minyak yang lain. Harga gas tidak dinaikkan semenjak lima tahun sudah manakala bahan-bahan petroliaam yang lain telah dinaikkan pada bulan Disember 1973 dan Mei 1974.

MELAYU DALAM PERDAGANGAN—PENYERTAAN

10. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada benar bahawa ada badan-badan berkanun yang menyeleweng dari dasar Kerajaan mengenai penyertaan orang-orang Melayu dalam lapangan ekonomi sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Badan-badan berkanun, seperti Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, MARA, PERNAS dan UDA, adalah ditubuhkan oleh Kerajaan dengan tujuan di antara lain untuk membantu bumiputra dalam perdagangan dan perindustrian, dalam mana kaum bumiputra baru mula hendak bertapak. Oleh yang demikian, badan-badan ini adalah merupakan sebagai badan yang memegang amanah kepada kepentingan bumiputra. Kenyataan saya tempoh hari adalah sebagai nasihat, peringatan dan amaran kepada badan-badan

ini, supaya mengkaji semula kegiatan-kegiatan mereka selama ini, untuk menentukan supaya kegiatan-kegiatan mereka ke arah amanat ini, tidak menjadi saingan dan bertentangan dengan usaha-usaha dan peniagaan-peniagaan yang sedang dijalankan oleh bumiputra. Saya membuat kenyataan tersebut oleh kerana ada tanda-tanda yang setengah daripada setengah badan-badan berkanun itu oleh kerana berbagai-bagai sebab telah lupa dan menyeleweng dari tujuan yang saya sebutkan itu.

DEMAM DENGGI—PENYAKIT

11. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (i) sebab-sebab merebaknya penyakit demam denggi dalam beberapa bulan yang lalu yang telah menyebabkan beberapa kematian diseluruh negara kita, walaupun beliau sendiri telah memberi jaminan pada tahun lalu bahawa penyakit demam denggi sudahpun terkawal;
- (ii) mengapa beliau tidak kembali ke Malaysia dari Persidangan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang beliau menghadiri sebaik saja beliau mendapat tahu mengenai merebaknya demam denggi; dan
- (iii) bilangan orang yang telah mati kerana demam denggi bagi setiap bulan mulai bulan Januari, 1973 hingga sekarang.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):

- (i) Sebab-sebab kejadian penyakit demam denggi dalam masa beberapa bulan lalu bolehlah dikesan daripada pembiakan nyamuk aedes di dalam rumah dan kawasan-kawasan rumah di negara ini. Nyamuk Aedes Aegypti, nyamuk pembawa penyakit demam denggi dan demam denggi haemorrhagic, ialah nyamuk yang didapati di dalam rumah. Lebih dari 80% yang didapati membiak di dalam beberapa jenis bekas air di dalam rumah, seperti perangkap semut, balang, tempat bunga, pasu bunga, tangki air dan lain-lain lagi. Oleh kerana tidak ada ubat vaccine yang boleh digunakan bagi menghalang penyakit ini, dan tidak ada dadah tertentu melawan virus yang menyebabkan penyakit itu, senjata

yang hanya ada pada kita melawan demam denggi ialah dengan membasmi-kan nyamuk aedes. Sejak kejadian akhir penyakit demam denggi haemorrhagic dalam tahun 1973, Kementerian saya telah menjalankan satu kempen pelajaran kesihatan kepada orang ramai menghapuskan pembiakan nyamuk aedes menerusi TV, radio dan akhbar dan lain-lain cara. Dan, pada 17hb Mac, dan 30hb April, tahun ini, saya telah memberi satu amaran persendirian kepada orang ramai bahawa adalah menjadi tanggungjawab mereka sendiri menghalang nyamuk aedes dari membiak di dalam rumah dan di kawasan rumah mereka jika satu perebakan penyakit demam denggi haemorrhagic yang serious hendak dielakkan. Saya berasa dukacita kerana tidak semua orang menghiraukan amaran saya. Masih terdapat juga banyak tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes yang menyebabkan kejadian penyakit itu di beberapa buah negeri.

- (ii) Sungguhpun diri saya tiada di Malaysia di waktu itu tetapi jawatan Menteri Kesihatan tidaklah kosong kerana Menteri Kerja Raya dan Tenaga Y.B. Datuk Haji Abdul Ghani Gilong telah dilantik memangku jawatan Menteri Kesihatan di samping menjalankan tugas-tugasnya dan Pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan telah berusaha dengan selaya upaya mengambil langkah-langkah perlu untuk mengatasi wabak tersebut.
- (iii) Bilangan orang yang telah meninggal dunia disebabkan demam denggi haemorrhagic dari bulan Januari 1973, hingga pada masa ini adalah seperti berikut:

1973	Mati disebabkan DHF
Januari ...	2
Februari	2
Mac	1
April	3
Mei	8
Jun	6
Julai	14
Ogos	8

September	...	...	8
Oktober ...	...	...	—
November	...	...	—
Disember	...	...	2

1974

*Mati
disebabkan
DHF*

Januari	...	6
Februari	...	3
Mac ...	...	5
April	...	6
Mei ...	...	28
Jun ...	...	23 (Kematian sehingga 27-6-74)

INSURAN BAGI PEKERJA-PEKERJA

12. Tuan V. Veerappen minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) mengapa majikan-majikan tidak diwajibkan mengambil insuran bagi pekerja-pekerjanya di bawah Ordinan Pampasan Pekerja;
- (b) samada beliau akan mengambil langkah untuk berbuat demikian dan menentukan supaya peruntukan-peruntukan seperti yang terdapat dalam Motor Insuran Third Party Risk Ordinan dimasukkan dalam Pampasan Pekerja untuk membolehkan pihak yang tercedera menuntut terus daripada Syarikat Insuran; dan
- (c) samada beliau akan mewajibkan majikan-majikan menyimpan satu daftar nama dan alamat syarikat-syarikat insuran di mana pekerja-pekerja diinsurankan sepertimana Insuran Motor.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam):

- (a) Ada terdapat satu perbekalan dalam Ordinan Pampasan Pekerja-pekerja yang memerlukan setiap majikan atau sekumpulan majikan-majikan supaya mempunyai insuran bagi diri sendiri atau diri mereka terhadap sebarang tanggungan di bawah Ordinan Pampasan Pekerja-pekerja. Perbekalan ini telah dilanjutkan untuk merangkap juga majikan-majikan dalam bidang membalak dan perusahaan-perusahaan

kilang papan. Walau bagaimanapun, mengenai majikan-majikan dalam perusahaan-perusahaan lain pula, adalah dianggap bahawa insuran yang wajib adalah tidak perlu kerana pada umumnya majikan-majikan ini telah selama ini mematuhi undang-undang tersebut.

- (b) Ada terdapat perbekalan di bawah Ordinan Pampasan Pekerja-pekerja bagi seseorang pekerja yang cedera membuat tuntutan terus dari Syarikat Insuran sekiranya terdapat satu keadaan di mana majikan menjadi seorang Bankrap.

Memandangkan bahawa Sekim kecederaan pekerjaan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja-pekerja, 1969 sedang dilanjutkan dengan giatnya untuk merangkap segala jenis pekerja-pekerja di seluruh Malaysia, adalah dianggap tidak perlu diadakan satu perbekalan bagi mereka yang cedera untuk membuat tuntutan terus dari Syarikat Insuran.

- (c) Kerajaan menganggap tidak perlu bagi seseorang majikan menyimpan satu rekod nama dan alamat syarikat insuran dengan mana ia telah mengadakan insuran bagi pekerjaanya. Ini adalah kerana seseorang pekerja yang cedera boleh mendapat maklumat-maklumat tersebut dari Kementerian saya.

SYARAT TINGGAL TETAP— LONGGARKAN

13. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau bercadang melonggarkan syarat-syarat yang dikenakan kepada permohonan-permohonan oleh orang-orang yang bukan warganegara Malaysia yang benar-benar bercadang menetap di Malaysia, memandangkan penubuhan perhubungan diplomatik dengan Negeri China.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat itu bahawa tidak ada kaitan antara penubuhan perhubungan diplomatik dengan Negeri China dengan soal permohonan untuk tinggal tetap di negeri ini. Dalam pada itu saya suka menegaskan bahawa Kerajaan tidak ada cadangan untuk melonggarkan syarat-syarat untuk tinggal tetap di negeri ini.

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN— KELAYAKAN MASUK UNIVERSITI

14. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa semasa upacara penyampaian ijazah yang ketiga Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Naib-Canselor Universiti tersebut Tan Sri Professor Hamzah bin Sendut pernah menyatakan bahawa Sijil S.T.P. bukan lagi satu kelayakan yang sesuai untuk memasuki Universiti dan jika ya, samada beliau mempunyai rancangan lain untuk menggantikan kelayakan ini di masa hadapan.

Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Saya sedar. Buat masa ini belum ada rancangan lain untuk menggantikan Sijil S.T.P. sebagai kelayakan untuk masuk ke Universiti.

KOMINIS—KEGANASAN- KEGANASAN

15. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menjelaskan:

- (a) apakah yang beliau maksudkan dengan perkataan-perkataan “keadaan negara sekarang adalah terkawal” sedangkan keganasan-keganasan Kominis terdapat bukan sahaja di kawasan-kawasan sempadan tetapi sudah juga merebak ke pekan-pekan; dan
- (b) samada Kementerian beliau bercadang membahagikan satu lagi kertas putih mengenai “ancaman kominis” kepada orang ramai supaya mereka dapat memahami dengan jelas ancaman-ancaman daripada musuh-musuh negara.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- (a) Apa yang saya maksudkan dengan “keadaan negara sekarang adalah terkawal” ialah bahawa Kerajaan dan Pasukan Keselamatan dengan kerjasama rakyat telah dapat menyekat pergerakan kominis merebak ke tempat-tempat lain. Beberapa anggota kominis telah dihapuskan samada ditembak mati oleh Pasukan Keselamatan atau mati kelaparan. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, beberapa tempat simpanan makanan, khemah dan alat kelengkapan telah

dijumpai dan dimusnahkan, juga sebilangan cawangan-cawangan pertubuhan subversif telah juga dibongkar hasil dari kerjasama rakyat. Beberapa anggota pertubuhan subversif itu telah ditangkap dan kegiatan-kegiatan pertubuhan itu telah menjadi terhad.

Walaupun terdapat pembunuhan anggota Pasukan Keselamatan di beberapa buah bandar Kerajaan telah dapat menjamin keselamatan rakyat jelata dan memelihara ketenteraman awam di seluruh negara. Ini adalah satu perkara yang jelas dan nyata.

Dan juga kita dapati pada masa sekarang rakyat banyak memberi maklumat dan bekerjasama menentang musuh negara, misalnya ahli-ahli RELA.

- (b) Buat masa ini saya fikir tidak.

MINYAK PETROL (GASOLINE) HARGA

16. Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan dengan kenaikan harga minyak petrol (gasoline) yang akan memburukkan lagi keadaan inflasi dalam negeri ini samada Kerajaan:

- (a) bercadang menyekat minyak keluaran negeri kita dari diekspot keluar negeri, jika tidak, sila berikan sebab-sebabnya;
- (b) bilakah harga minyak kita akan murah dan adakah Kerajaan sedar iaitu rakyat kita sekarang menggelisah oleh kerana kenaikan harga minyak dan apakah usaha-usaha Kerajaan untuk mengurangkan beban pengguna-pengguna minyak petrol dalam negeri kita;
- (c) bolehkah diberi suatu jaminan bahawa apabila bekalan minyak mentah dan bahan-bahan keluaran minyak yang diimport ke dalam negeri ini harganya turun maka harga minyak pun ikut turut turun sama; sekiranya tidak, mengapa;
- (d) bolehkah Kerajaan menerangkan bagaimana Kerajaan dapat menerima kenaikan harga-harga yang baru dikemukakan oleh syarikat-syarikat minyak oleh kerana baru sahaja harga-harga minyak dinaikkan empat atau lima bulan dahulu dan adakah

Kerajaan bercadang hendak mem-banyakkan lagi pengeluaran minyak dalam Malaysia; dan

- (e) mengetahui bahawa ada kedai-kedai pam minyak telah menaikkan harga-harga minyak kedua-dua gred sebelum ianya diisytiharkan dan ada pula orang ramai mengetahui akan hal ini terlebih dahulu dan adakah rahsia ini telah bocor terlebih dahulu.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud:

- (a) Kerajaan tidak bercadang sekarang ini hendak menyekat minyak keluaran sendiri dari diekspot. Ini disebabkan beberapa faktor seperti:

(i) Negara belum lagi mempunyai kilang penapis minyaknya sendiri yang boleh menapis minyak mentah keluaran negara. Kilang-kilang penapis minyak yang ada tidak boleh menapis minyak oleh sebab kilang-kilang ini dibina khas untuk menapis minyak mentah dari Timur Tengah yang mengandungi banyak belerang. Minyak mentah dari Malaysia adalah ringan dan mengandungi sedikit belerang dan tidak boleh digunakan dengan sepenuhnya oleh kilang-kilang penapis yang ada sekarang.

(ii) Adalah lebih ekonomik minyak mentah itu diekspotkan kerana ianya mendatangkan pendapatan yang lumayan disebabkan harga satu tongnya adalah lebih tinggi. Harga jualan ialah US\$12.60 satu tong minyak mentah dan harga satu tong yang diimpot ialah lebih kurang US\$9.60.

(iii) Minyak mentah yang diimpot untuk ditapis di sini memenuhi corak penggunaan bahan-bahan petrolia di negara ini.

- (b) Adalah sangat sukar untuk memberi jaminan bahawa harga minyak akan murah. Harga bahan-bahan petrolia bergantung pada harga minyak mentah di pasaran dunia, yang kini tidak lagi stabil. Adalah dijangka bahawa keadaan mungkin berubah apabila Kerajaan sendiri akan mengambil bahagian dalam proses mencarigali, pengeluaran dan penapisan minyak

kelak menerusi Perbadanan Petrolia Nasional (PETRONAS).

- (c) Jaminan dapat diberi bahawa apabila bekalan minyak mentah dan bahan-bahan keluaran minyak yang diimpot turun harganya, maka harga minyak pun ikut turut turun sama.

(d) Kelulusan oleh Kerajaan atas kenaikan harga-harga minyak itu diberi berasaskan kenaikan harga minyak mentah sebanyak 200% keseluruhannya pada dua ketika, iaitu pada 16hb Oktober, 1973 dan 1hb Januari, 1974. Kerajaan memang menggalakkan membanyakkan lagi pengeluaran minyak samada di peringkat mencarigali atau penapisan. Sebuah syarikat menapis minyak tempatan telahpun mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk membanyakkan lagi pengeluaran minyak dalam Malaysia, yang dijangka dapat dicapai pada awal tahun 1975. Kerajaan sendiri sedang mengkaji dengan teliti soalan membina kilang penapisnya menerusi Perbadanan Petrolia Nasional (PETRONAS) manakala ditubuh kelak.

- (e) Perbincangan mengenai kenaikan harga minyak telah dijalankan di dalam keadaan teratur dan rahsia. Rahsia itu tidak dibocorkan terlebih dahulu oleh sesiapa pun. Walau bagaimanapun, tidak dapat tidak ada setengah golongan orang-orang ramai dapat menyangka tentang perbincangan itu di antara Kerajaan dan syarikat-syarikat minyak kerana laporan-laporan dan "coverage" yang dibuat oleh akhbar-akhbar.

**JALANRAYA SARAWAK—
KALIMANTAN BARAT**

17. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan samada Kerajaan telah menimbang untuk membina jalanraya-jalanraya berikut dari Sarawak ke Indonesia Borneo (Kalimantan Barat) untuk memudahkan perhubungan dan memajukan lagi pertukaran perdagangan dan pelancungan:

- (a) dari Lubok Antu ke Badau;
(b) dari Lundu atau Bau ke Daerah Pontianak; dan
(c) dari kawasan-kawasan lain di antara kedua-dua buah negara.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tidak.

Setakat ini belum terdapat cadangan-cadangan yang konkrit bagi membina jalanraya-jalanraya yang menghubungkan Sarawak dengan Kalimantan Barat (Indonesia Borneo). Sebarang projek seumpama itu akan hanya dapat dijalankan secara bersama dengan Kerajaan Indonesia.

ANGKATAN TENTERA— PEGAWAI-PEGAWAI LETAK JAWATAN

18. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa terdapat lebih kurang 150 orang pegawai-pegawai Angkatan Tentera yang telah memohon untuk meletakkan jawatan, dan jika ya, mengapa; dan apakah tindakan beliau telah ambil untuk mengelakkan kejadian seperti itu dari berlaku lagi pada masa hadapan; dan
- (b) samada beliau bercadang untuk menubuhkan sebuah Lembaga penyiasat untuk menyiasat perkara ini dan menentukan sebab-sebab mengapa pegawai-pegawai ini tidak merasa puas hati dan samada beliau dapat memberi jaminan bahawa perkara seperti itu tidak akan berlaku lagi dimasa hadapan dan memberikan galakan kepada pegawai-pegawai tersebut supaya moral mereka tinggi.

Menteri Pertahanan (Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah): Kenyataan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu tidaklah begitu tepat. Sehingga sekarang tahun ini hanya 21 orang pegawai sahaja yang telah memohon untuk berhenti secara sukarela (voluntary discharge) daripada Angkatan Tentera Malaysia. Tiap-tiap satu permohonan itu telahpun ditimbang mengikut "merits"-nya dan 8 daripada permohonan-permohonan itu telahpun diluluskan. Sebab-sebab permohonan-permohonan ini diluluskan adalah kerana:

- (i) telah sampai umur bersara secara sukarela (on reaching the optional age for retirement),
- (ii) untuk menetap (emigrate) di luar negeri,
- (iii) perkhidmatan yang tidak memuaskan dan sebagainya.

Keadaan ini tidak hanya melibatkan Angkatan Tentera sahaja kerana saya difahamkan bahawa beberapa Jabatan-Jabatan Kerajaan yang lain juga mengalami keadaan yang sama.

Selain daripada bilangan pegawai yang dirujuk tadi beberapa pegawai-pegawai lain juga telah berhenti daripada Angkatan Tentera tetapi bagi sebab-sebab lain yang biasa seperti.

- (i) tamat tempoh Tauliah Jangka Pendek,
- (ii) cukup umur bersara,
- (iii) sebab disiplin,
- (iv) sebab kesihatan.

Saya tidak menganggap keadaan ini sebagai luar biasa dan oleh hal yang demikian berpendapat tidak ada keperluan bagi saya menubuhkan sebuah Lembaga Penyiasat untuk mengkaji perkara ini.

MAKTAB PERGURUAN ILMU KHAS— PELAJARAN UGAMA/PENDIDIKAN ISLAM

19. Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah pelajaran Ugama dan Ilmu Pendidikan Islam diajar di dalam Maktab Perguruan Ilmu Khas Kuala Lumpur, dan bilangan guru-guru yang bertugas mengajar matapelajaran ini.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Pelajaran Ugama dan Pendidikan Islam yang diajar di Maktab Perguruan Ilmu Khas, Kuala Lumpur adalah mengikut satu sukatan "Matapelajaran Pengajian Islam" yang disusun oleh Kementerian Pelajaran. Sukatan itu mengandungi:

- (i) Pelajaran Ugama Islam:
 - (a) Tauhid
 - (b) Fekah
 - (c) Sejarah Islam
 - (d) Ulum Al Quran dan Tafsir
 - (e) Ulu Al Hadith dan Hadith dan Hadith Nabawi.
- (ii) Pelajaran Bahasa Arab:
 - (a) Tatabahasa dan balaghah
 - (b) Memahami karangan dan kajian teks sastera
 - (c) Karangan dan terjemahan
 - (d) Tulisan Arab dan kaedah imlak.

(iii) Kaedah mengajar:

(a) Kaedah khas mengajar Pelajaran Ugama Islam

(b) Kaedah khas mengajar mata-pelajaran Bahasa Arab.

Bilangan guru ugama yang mengajar di Maktab Perguruan Ilmu Khas ialah 3 orang.

RADIO MALAYSIA SARAWAK— SIARAN SERENTAK

20. Datuk James Wong Kim Min minta Menteri Penerangan menyatakan samada Radio Malaysia Sarawak telah berhenti siaran serentak ke seluruh negara, jika ya, kenapa.

Menteri Penerangan dan Menteri Tugas-tugas Khas (Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Ya, memandangkan kepada kesulitan perhubungan dan kekurangan liputan akhbar di Sarawak, Kerajaan Negeri Sarawak telah membuat permintaan untuk membanyakkan lagi masa radio untuk siaran-siaran berita dan pengumuman penting di dalam loghat-loghat tempatan (local dialects) supaya dapat disebarkan ke tempat-tempat pedalaman. Kementerian Penerangan bersetuju dengan permintaan ini. Walau bagaimanapun, rakyat Sarawak boleh mengikuti siaran serentak Nasional melalui Meter band gelombang pendek 50.29 meter.

PUSAT KESIHATAN KECIL DI PULAU PANGKOR

21. Tuan Richard Ho Ung Hun minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar bahawa Pusat Kesihatan Kecil yang ada sekarang di Pulau Pangkor adalah terlalu kecil untuk memenuhi kehendak-kehendak penduduk pulau itu yang kian bertambah, dan jika ya, samada Kementerian beliau akan mengambil tindakan untuk menaikkan tarafnya supaya seorang doktor dapat ditempatkan di sana.

Tan Sri Lee Siok Yew: Kerajaan telah bersetuju menaikkan taraf Pusat Kesihatan Kecil di Pulau Pangkor kepada Pusat Kesihatan Besar dan Kementerian Kesihatan sekarang sedang berusaha untuk mendapatkan tapak bagi projek ini. Seorang doktor akan ditempatkan di Pulau Pangkor apabila projek ini siap kelak.

EKSEKUTIF BUMIPUTRA—JAWATAN

22. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus meminta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jika ada jawatan-jawatan eksekutif yang dirizabkan untuk orang-orang Melayu di dalam lapangan swasta yang belum dipenuhi dan jika ia, dalam lapangan apa, dan apakah usaha-usaha yang dijalankan untuk memenuhi jawatan-jawatan tersebut?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tidak ada jawatan-jawatan Eksekutif Bumiputra yang dirizabkan untuk orang-orang Melayu dalam sektor swasta. Walau bagaimanapun, firma-firma swasta hendaklah menentukan bahawa pekerja-pekerja mereka, dalam semua bidang dan peringkat, adalah mencerminkan komposisi kaum yang sejajar dengan bilangan penduduk di negara ini. Mengikut kajian yang dibuat oleh sektor swasta, untuk mencapai hasrat ini, mereka memerlukan lebih dari 2,000 Eksekutif Bumiputra tambahan sehingga tahun 1980.

Untuk mempesatkan lagi bilangan Eksekutif Bumiputra di sektor swasta Kerajaan telahpun mengambil beberapa langkah-jangka panjang dan pendek, misalnya:

- (a) Sistem pelajaran di semua peringkat sekarang ini adalah berorientasikan kepada keperluan-keperluan tenaga pekerja terlatih oleh sektor awam dan swasta.
- (b) Mengadakan Pusat-pusat Latihan tertentu dan juga kursus-kursus Khas yang dapat melengkapkan bumiputra untuk berkhidmat di firma-firma swasta. Misalnya baharu-baharu ini Kerajaan telahpun mengadakan satu kursus selama tiga bulan yang diberi nama "Programme For Executive Development" kepada siswazah-siswazah bumiputra. Kumpulan pertama peserta-peserta kursus ini seramai 47 orang telahpun tamat latihan mereka pada 3hb Jun lalu dan kursus-kursus seperti ini akan terus diadakan lagi pada masa-masa hadapan.

Disamping itu pula pihak swasta adalah digalakkan oleh Kerajaan untuk memainkan peranan mereka bagi meramaikan lagi Eksekutif Bumiputra, misalnya dengan cara:

- (a) Memberi keutamaan bumiputra ke jawatan-jawatan eksekutif yang baru.

- (b) Mengadakan rancangan-rancangan latihan mereka sendiri dengan memberikan biasiswa-biasiswa ke Pusat-pusat Pengajian Tinggi.
- (c) Mengadakan rancangan-rancangan latihan dalam perkhidmatan supaya pekerja-pekerja bumiputra yang sedang berkhidmat dengan mereka dapat diberi peluang untuk kenaikan pangkat ke jawatan-jawatan yang lebih tinggi.

TEKSI—PINDA UNDANG-UNDANG

23. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Perhubungan menyatakan bilakah Kerajaan bercadang hendak meminda undang-undang yang ada sekarang supaya teksi-teksi boleh membawa seramai lima orang penumpang dan bukan empat orang seperti terdapat sekarang.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Perkara ini sedang dikaji dan satu ketetapan akan diberi dengan secepat mungkin.

PAMPASAN PEKERJA-PEKERJA—PINDAAN ORDINAN

24. Tuan V. Veerappen minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar bahawa jumlah yang paling tinggi sebanyak \$7,200 yang boleh dibayar sebagai pampasan kepada seseorang pekerja yang mati kerana kemalangan perindustrian adalah sangat rendah dan jika ya, samada beliau akan mengambil langkah untuk meninggalkan jumlah ini memandangkan jatuhnya nilai matawang sejak tahun 1952

Tan Sri V. Manickavasagam: Pindaan-pindaan kepada Ordinan Pampasan Pekerja-Pekerja telah pun disediakan yang bertujuan menambah nilai pampasan yang diberi kepada pekerja-pekerja yang cedera atau tanggungan-tanggungan mereka, supaya berpadanan dengan keadaan pada masa ini. Pindaan-pindaan tersebut sekarang berada dalam bentuk sebuah Rangka Rang Undang-undang dan adalah pada masa ini sedang mendapat perhatian Kerajaan.

HOSPITAL DAERAH TELOK ANSON

25. Tuan Chan Fu King minta Menteri Kesihatan menyatakan samada Kementerian beliau ada apa-apa rancangan untuk membaharui bangunan Hospital Telok Anson yang sudah buruk.

Tan Sri Lee Siok Yew: Di bawah Rancangan Malaysia Kedua, Kementerian Kesihatan Malaysia telahpun menyelenggarakan beberapa projek untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan di Hospital Daerah, Telok Anson. Kerja-kerja memperbaiki hospital ini selanjutnya kepada Rumah Mayat dan lain-lain sedang giat dijalankan sekarang. Sebidang tanah telah diperolehi dan bayarannya telah dijelaskan untuk tapak hospital baru yang mana wang peruntukan telahpun diuntukan di bawah Rancangan Malaysia Kedua.

JENTERA-JENTERA YANG ROSAK

26. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (i) bilangan jentera yang telah dimusnahkan oleh pengganas komunis pada akhir bulan Mei, dan kerugian yang dialami akibat kejadian perletupan itu;
- (ii) adakah jentera-jentera itu yang menjadi harta rakyat telah dikawal oleh Pasukan Keselamatan Kita, jika ya, bagaimana berlakunya kejadian itu, dan jika tidak, mengapa; dan
- (iii) bilangan waktu kerja dan hari kerja yang hilang akibat daripada pemberhentian kerja projek Lebuhraya Timur-Barat yang diperintahkan selepas letupan ke atas harta rakyat di sana.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- (i) Bilangan jentera-jentera yang rosak ialah 68 buah dan kerugian yang dialami ditaksir sebanyak 3.5 juta ringgit. Suka saya menambah iaitu jentera-jentera tersebut tidak musnah sama sekali tetapi rosak dan sekarang sedang diperbaiki.
- (ii) Ia, jentera-jentera tersebut telah dikawal oleh Pasukan Keselamatan dengan disimpan berdekatan khemah-khemah Pasukan Kawalan dan juga rondaan dibuat di sepanjang Lebuhraya itu. Tetapi oleh kerana kerja membuat jalanraya sentiasa bergerak dan, pada masa kejadian ini banyak kerja telah siap maka wajar jentera-jentera tersebut ditinggalkan di tempat kerja untuk mengelakkan terbuang masa berulang-alik untuk disimpan dekat khemah Pasukan Keselamatan memandangkan jentera ini berjalan

tidak lebih 5 batu satu jam. Selain daripada itu jentera-jentera ini ialah jentera berat yang boleh merosakkan kerja yang siap dalam perjalanannya untuk disimpan.

- (iii) Segala kerja di Lebuhraya tersebut di berhentikan di antara 24hb Mei, 1974-4hb Jun, 1974, iaitu selama 12 hari.

PEJABAT PENDAFTAR DAN PEMERIKSA KERETA-KERETA MOTOR ALOR STAR

27. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) samada beliau bercadang membina sebuah bangunan yang sesuai bagi pejabat P.P.K.M. (Pendaftar dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor) di Alor Star, memandangkan bahawa bangunan yang ada sekarang merumitkan kerana sempit; dan
- (b) samada beliau sedar akan kerumitan-kerumitan yang dihadapi oleh orang ramai oleh kerana kadangkala mereka terpaksa menunggu sampai dua atau tiga hari untuk mendapat dan mem-baharui lesen-lesen pemandu mereka. Jika sedar, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi kedudukan ini dan jika tidak, mengapa.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:

- (a) Satu tapak untuk bangunan baru telah-pun dibeli di Alor Star dan tindakan sedang diambil untuk mendirikan bangunan baru.
- (b) Untuk mengurangkan kesebukan di pejabat Pendaftar dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor di Alor Star itu tindakan telahpun diambil bagi mem-buka satu pejabat Pendaftar dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor di Perlis sebelum akhir tahun ini. (Pada masa sekarang semua urusan Pengangkutan Jalan bagi Negeri Perlis adalah dilaksanakan di Pejabat Pendaftar dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor di Alor Star).

ATLAS TIN MINING & RUBBER ESTATES—PEKERJA-PEKERJA

28. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar bahawa seramai 58

orang pekerja sebuah ladang getah di Sungai Siput (Utara) kepunyaan Syarikat Atlas Tin Mining & Rubber Estates, telah kehilangan pekerjaan mereka awal tahun ini kerana ladang seluas 822 ekar itu telah dijual kepada empat orang pemilik baru yang enggan mengambil pekerja-pekerja itu, jika ya, apakah tindakan beliau telah atau akan ambil untuk memaksa pemilik-pemilik baru itu mengambil pekerja-pekerja yang lama itu.

Tan Sri V. Manickavasagam: Saya sedar bahawa 30 orang pekerja-pekerja Syarikat Atlas Tin Mining & Rubber Estates, Sungai Siput (N) (tetapi tidak 58 pekerja seperti dinyatakan oleh ahli Yang Berhormat bagi Kampar) telah tamat berkhidmat dengan Syarikat tersebut pada permulaan tahun ini apabila ladang tersebut dijual oleh bekas pemilik-pemiliknya. Pekerja-pekerja tersebut telah dibayar wang tamat perkhidmatan. Tiada terdapat tanda-tanda bahawa pekerja-pekerja yang berkenaan berniat untuk bekerja di bawah pemilik-pemilik yang baru, tetapi sebaliknya mereka lebih cenderung mencari pekerjaan dengan sendiri di kawasan Sungai Siput.

JALAN MENGGATAL KE KAMPUNG KOKOL

29. Tuan James Stephen Tibok minta Menteri Kerjaraya dan Tenaga menyatakan mengapa peruntukan bagi membina jalan sepanjang 8 batu dari Menggatal ke Kampung Kokol telah ditarik-balik dan mengapa projek ini masih belum siap walaupun sudah lebih daripada 10 tahun lamanya.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Jalan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu adalah jalan Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun saya telah diberitahu bahawa tidak ada peruntukan yang telah disediakan untuk jalan itu yang ditarik-balik sebagai-mana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu. Di bawah Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970) sejumlah \$278,301 telah dibelanjakan bagi membubuh batu dan kerja-kerja menjaga dan memperbaiki jalan sepanjang 6½ batu itu.

TEPUNG GANDUM—HARGA

30. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengapa harga runcit tepung gandum dalam

negara ini tidak dikurangkan bilamana harga antarabangsa gandum sudahpun turun hampir 40% dalam masa beberapa bulan yang lalu.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Saya telah menjelaskan perkara ini ketika menjawab soalan yang serupa daripada Ahli Yang Berhormat Tuan Chan Fu King kelmarin.

KAWASAN KUMPULAN SEMULA (REGROUPING AREAS)

31. Tuan Tai Kuan Yang minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru menyatakan, memandang kepada besarnya bilangan kawasan kumpulan semula yang masih ada di beberapa negeri dalam Semenanjung Malaysia, samada Kementerian beliau ada rancangan-rancangan untuk meninggikan taraf hidup orang-orang yang tinggal di kawasan itu.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru (Datuk Lee San Choon): Soalan-soalan yang hampir-hampir sama maksudnya telah beberapa kali dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di persidangan Dewan ini iaitu pada 16hb Mei, 1972, 7hb Mei, 1973 dan 26hb April, 1974 dan telahpun dijawab.

Saya fikir tidak mustahak diulangi jawapan-jawapan itu tetapi saya suka memberi sedikit keterangan, iaitu rancangan-rancangan pembangunan di tempat-tempat ini adalah ditanggung oleh Kerajaan-kerajaan Negeri mengikut keadaan kewangan masing-masing. Kementerian saya dari semasa ke semasa memberi bantuan di mana perlu untuk projek-projek kecil di tempat-tempat seumpama ini melalui Kerajaan-kerajaan Negeri.

KETUA POLIS NEGARA— ALLAHYARHAM

32. Dr. A. Soorian minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) mengapa Allahyarham K.P.N. tidak diberi perlindungan keselamatan;
- (b) mengapa beliau tidak diberikan senjata; dan
- (c) kejayaan yang telah dicapai dalam usaha mengesan pembunuh-pembunuhnya.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- (a) Allahyarham Ketua Polis Negara telah tidak diiringi oleh pengawal peribadi atas kemahuannya sendiri.
- (b) Allahyarham tidak bersenjata atas kemahuannya sendiri.
- (c) Progress menyiasat kes ini adalah memuaskan. Oleh sebab penyiasatan masih dijalankan saya tidak dapat memberi maklumat lanjut.

GEMINI CHIT FUND CORPORATION— BUBAR

33. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian apakah tindakan yang telah diambil ke atas Gemini Chit Fund mengenai yang berikut:

- (a) sudahkah Kerajaan menjual harta dan barang-barang alih dan tak alih kepunyaan syarikat ini;
- (b) samada penjualan harga dan barang-barang itu melalui lelong dikhalayak ramai atau secara peraturan persendirian;
- (c) jika tidak secara lelong dikhalayak ramai, bagaimanakah peraturan persendirian itu dijalankan; dan
- (d) siapakah pembeli-pembelinya.

Datuk Hussein bin Datuk Onn:

- (a) Kecuali beberapa buah perabot dan perkakas-perkakas pejabat yang digunakan oleh kakitangan yang bertugas di dalam pembubaran Gemini Chit Fund Corporation Ltd., semua harta-benda kepunyaan syarikat itu telah dijual;
- (b) Harta yang bergerak telah dijual secara perjanjian persendirian. Harta yang tidak bergerak di:
 - a. No. 34 Jalan Laxamana, Melaka
 - b. No. 45 Jalan Lemon, Seremban;
 - dan
 - c. No. 6 Station Road, Ipoh.
 telah dijual secara tawaran am. Harta yang tidak bergerak di No. 297, 299, 301 dan 303 Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur, telah dijual secara perjanjian persendirian kepada Kerajaan Malaysia.

(c) Jualan secara perjanjian persendirian telah dibuat setelah menimbang tawaran-tawaran yang diterima dan selepas daripada mengambil perhatian taksiran-taksiran di atas harta itu yang diterima daripada penilai yang berlesen;

(d) Pembelian-pembelian adalah seperti berikut:

(A) HARTA YANG BERGERAK

Jenis Barang

Nama Pembeli:

1. Perabut dan perkakas pejabat dan kereta-kereta di Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Kajang dan Seremban. Encik Lim Fap Khoon, Kuala Lumpur.
2. Perabut dan perkakas Pejabat di Bangunan Lee Yan Lian, Kuala Lumpur. Venus Travel Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
3. "Japanese Floral Garden" di Bangunan Safety Insuran, 45 Jalan Melayu, Kuala Lumpur. Encik Kok Chow Sia, Kuala Lumpur.
4. Sebuah kereta (BX 142). Encik Ho Tuck Ming, Kuala Lumpur.
5. Motosikal-motosikal. Encik Lim Fap Khoon, Kuala Lumpur.
6. Perkakas Pejabat di Bangunan Safety Insuran, Kuala Lumpur. Encik Lee Yoke San, Kuala Lumpur.
7. Perabut dan perkakas pejabat di No. 37 Hale Street, Ipoh. Perak Traders & Co., Ipoh.
8. Perabut dan perkakas pejabat di No. 73 Penang Street, Pulau Pinang. Encik Teh Kuan Ewe, Pulau Pinang.
9. Perabut dan perkakas pejabat di No. 27 China Street, Pulau Pinang. Lindeteves & Jacoberg, Pulau Pinang.
10. Penghawa Dingin di Alor Star. Hotel International, Alor Star.
11. Motosikal (BV 2119). Encik Chuah Cheng How, Pulau Pinang.
12. Perkakas Pejabat di 34 Jalan Laxamana, Meleka. Sauji s/o Mauji Petal Batchu, Melaka.

(B) HARTA YANG TIADA BERGERAK

Tempat:

Nama Pembeli:

1. 34 Jalan Laxamana, Melaka. Encik Lee P'ng Keong, Kuala Lumpur.
2. 45 Jalan Lemon, Seremban. Encik Lee Sun Wah, Seremban.
3. 6 Station Road, Ipoh. Tetuan Aspatra Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
4. 297, 299, 301 & 303 Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur. Kerajaan Malaysia.

KERETAPI—RUMAH KAKITANGAN DI SENTUL

34. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Perhubungan menyatakan:

(a) samada beliau sedar bahawa rumah-rumah kakitangan Keretapi Tanah Melayu di Sentul berada di dalam keadaan yang buruk; jika ya, nyatakan samada beliau ada apa-apa rancangan untuk memulakan satu sekim perumahan bagi mereka; jika tidak, mengapa; dan

(b) samada beliau sedar bahawa jalan-jalan di sekeliling rumah-rumah ini juga berada di dalam keadaan buruk; jika ya, nyatakan bilakah jalan-jalan ini boleh diperbaiki.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:

(a) Saya sedar bahawa rumah-rumah kakitangan Keretapi di Sentul berada dalam keadaan yang buruk. Pentadbiran Keretapi pada masa ini tidak ada rancangan untuk memulakan satu sekim perumahan bagi mereka, oleh sebab kedudukan kewangan K.T.M. tidak begitu baik.

(b) Kebanyakan jalan-jalan sudahpun diperbaiki di Sentul pada tahun 1973 dan 1974. Tindakan sedang diambil untuk memperbaiki jalan-jalan yang masih belum diuruskan mengikut keutamaan yang telah dirancang.

MINYAK MENTAH MALAYSIA

35. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan memandangkan kepada bertambahnya pengeluaran minyak kita di Sarawak dan perjumpaan-perjumpaan telaga minyak baru disepanjang Pantai Timur Malaysia Barat, mengapakah Kerajaan telah menaikkan harga minyak petrol di Malaysia.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Minyak yang didapati dari Sarawak adalah tidak sesuai untuk ditapiskan di Malaysia untuk kegunaan sendiri. Ini disebabkan oleh faktor-faktor teknikal dan ekonomik. Kilang-kilang penapis minyak di Malaysia dibena khas untuk menapis minyak-minyak mentah yang diimpot dari negara-negara Arab. Oleh kerana perbezaan teknikal dan kemikal maka kilang-kilang itu tidak boleh digunakan untuk menapis minyak keluaran

Malaysia. Oleh kerana minyak mentah Malaysia mencapai harga yang tinggi maka adalah lebih beruntung minyak itu diekseportkan, dengan ini mendapat pertukaran wang asing yang lumayan.

Harga minyak petrol dinaikkan berdasarkan kenaikan harga minyak mentah sebanyak 200% selepas bulan Oktober 1973 dan Januari 1974.

Perjumpaan-perjumpaan telaga minyak baru disepanjang Pantai Timur Malaysia Barat akan memakan masa yang panjang untuk mencapai peringkat pengeluaran. Adalah dijangka peringkat pengeluaran dapat dicapai pada akhir tahun tujuh puluhan.

MINYAK TANAH—HARGA

36. Tuan Edwin Tan minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk menentukan supaya minyak tanah akan dijual dengan harga yang berpatutan dan bekalan yang banyak di Sarawak.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Untuk menentukan supaya minyak tanah akan dijual dengan harga yang berpatutan di Sarawak Kerajaan telahpun menjadikan minyak tanah barang kawalan, yang mana dimestikan tanda harga mengikut "point-point harga" yang ditetapkan oleh Kerajaan. Soalan bekalan yang mencukupi tidak boleh dijamin dengan secara langsung tetapi Kerajaan telah mendapat jaminan-jaminan daripada syarikat-syarikat penjual minyak tentang bekalan-bekalan yang agak mencukupi tertakluk kepada harga sekarang dan jika dibandingkan iaitu keperluan minyak gas untuk negara hanyalah sebanyak 6% daripada keseluruhan minyak yang lain.

KAWALAN HARGA BARANG-BARANG KEPERLUAN

37. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian:

- (a) apakah tarikh yang beliau cadangkan untuk mengenakan kawalan harga ke atas barang-barang keperluan;
- (b) perlaksanaan kawalan harga barang-barang keperluan; dan
- (c) adakah kawalan ini untuk selamalamanya atau untuk sementara.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Setakat ini Kementerian saya tidak bercadang untuk melaksanakan kawalan harga ke atas barang-barang yang diistiharkan sebagai barang kawalan.

Apa yang terjadi sekarang ialah apabila sesuatu barang itu diistiharkan sebagai barang kawalan, tindakan-tindakan adalah diambil di bawah kuasa-kuasa yang ada di tangan Kerajaan, tertakluk kepada Akta Kawalan Bekalan 1961. Tindakan ini adalah untuk memastikan supaya harga sesuatu barang keperluan itu berpatutan.

ORANG YANG DITAHAN

38. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (i) bilangan orang yang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri sejak 1-1-1974, dengan memberi nama dan negeri asal mereka; dan
- (ii) bilangan orang yang telah dibebaskan daripada tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri sejak 1-1-1974, dengan memberi nama dan negeri asal mereka.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Bilangan orang yang ditahan dari 1hb Januari, 1974 hingga pada masa ini ialah 29 orang dan bilangan orang yang telah dibebaskan di dalam masa yang sama ialah 34 orang.

Berkenaan butir-butir lain seperti yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat itu Kementerian ini tidak dapat memberikannya demi kepentingan keselamatan diri dan maruah orang yang terlibat itu.

MALAM KEBUDAYAAN CHUN LEI

39. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan orang yang telah diberkas kerana peranan mereka dalam menganjur dan merancang pertunjukan Malam Kebudayaan Chun Lei, dan sebab-sebab pemberkasan mereka masing-masing.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Di antara bulan Februari dan April tahun ini pihak Polis ada melancarkan gerakan-gerakan membentras kegiatan-kegiatan anasir-anasir subversif yang memudaratkan keselamatan negara di sekitar kawasan Ibu Kota dan Petaling Jaya.

Dalam gerakan itu ada seramai 37 orang yang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Di antara mereka itu terdapat 8 orang yang secara kebetulan menjadi Ahli Jawatankuasa Penganjur Malam Kebudayaan Chun Lei. Mereka ditangkap ialah kerana kegiatan mereka yang dianggap memudaratkan keselamatan negara.

MINYAK DIESEL—KEKURANGAN

40. Dr Tan Choe Khoo minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada beliau sedar banyak stesyen-stesyen minyak sedang mengalami kekurangan minyak diesel; jika ya, nyatakan sebab-sebab dan tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Masalah kekurangan minyak diesel di banyak stesyen-stesyen minyak adalah masalah penghujung bulan lepas, di mana bekalan minyak di dalam simpanan sangatlah berkurangan. Walau bagaimanapun, masalah ini tidak akan timbul lagi sekarang. Faktor-faktor yang menyebabkan kekurangan dahulu itu ialah seperti berikut:

- (a) penyorokan oleh pihak-pihak yang tertentu;
- (b) pembelian yang berlebih-lebihan oleh pengguna-pengguna yang berpendapat bahawa harga minyak akan naik;
- (c) setengah pengilang-pengilang yang biasanya membeli secara kontrek kini membeli diesel mereka di stesyen-stesyen minyak;
- (d) "Floating volume"—oleh kerana terdapat perbezaan harga diantara Malaysia dan Singapura maka pengguna-pengguna yang dahulunya mendapat minyak dari Singapura mulai membeli dari Johor Baharu; dan
- (e) perkembangan pembangunan yang bermakna bertambahnya penggunaan minyak diesel.

Untuk mengatasi masalah ini, Kerajaan telah mendapat jaminan daripada semua syarikat-syarikat minyak untuk menyempurnakan bekalan yang cukup untuk keperluan negara dengan menaikkan harga diesel sebanyak 8 sen segalen di stesyen-stesyen minyak dan harga ini adalah harga

yang lebih ekonomik. Kerajaan juga telah menghapuskan "surtax" 4% ke atas minyak diesel yang di impot.

CHINA DI MALAYSIA—IKTIRAF

41. Tuan Hashim bin Gera minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan akan mengiktiraf semua orang yang berketurunan China di Malaysia yang tidak mempunyai kewarganegaraan Malaysia sebagai warganegara Malaysia.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tidak.

PEKERJA-PEKERJA ESTET

42. Tuan V. Veerappen minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar bahawa keadaan hidup pekerja-pekerja estet-estet yang telah dipecah-pecahkan terutama estet-estet Victoria, Caledonia, Byram Changkat, Trans Krian, Val Dor dan Juru adalah di dalam keadaan yang menyedihkan, dan jika ya, apakah tindakan yang beliau bercadang hendak ambil.

Tan Sri V. Manickavasagam: Saya sedar bagaimana keadaan kehidupan pekerja-pekerja diladang-ladang yang telah dibahagi-bahagikan yang dibangkitkan dalam pertanyaan yang berkenaan. Pegawai-pegawai dari Kementerian telah pun mengadakan lawatan-lawatan dan pemeriksaan-pemeriksaan dengan seringnya ke atas tempat-tempat ini dan tindakan-tindakan yang sesuai telah pun diambil untuk menentukan bahawa, di mana majikan-majikan mengadakan rumah-rumah bagi pekerja-pekerja mereka, dengan mengadakan bangunan-bangunan mereka sendiri di kawasan-kawasan tersebut, setiap piawaian minima yang diperlukan oleh undang-undang buruh dalam hal perumahan, kesihatan dan kebersihan adalah dipatuhi oleh majikan-majikan yang berkenaan.

MAKTAB-MAKTAB RENDAH UNTUK TINGKATAN VI

43. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau akan menimbang dengan bersungguh-sungguh untuk membina Maktab-maktab Rendah semata-mata untuk pelajar-pelajar Tingkatan Enam agar membolehkan mereka menikmati

kemudahan-kemudahan dan perhatian akademik dan bukan akademik yang lebih baik dan rapi.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tidak mustahak mendirikan Maktab-maktab Rendah semata-mata untuk Tingkatan VI. Siste sekarang sudahpun menyediakan pelajaran Tingkatan Enam di sekolah-sekolah menengah diseluruh negara dan ini membolehkan pelajar-pelajar menikmati kemudahan-kemudahan dan perhatian yang di berikan.

JAMBATAN PULAU PINANG— TANAH BESAR

44. **Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Raya dan Tenaga menyatakan:

jumlah belanja yang dianggarkan bagi jambatan yang dicadangkan akan dibina menghubungkan Pulau Pinang dengan Tanah Besar;

- (ii) samada Kerajaan Persekutuan akan memberi wang bagi seluruh projek ini, dan jika tidak, dari sumber apa wang bagi projek ini akan diperolehi; dan
- (iii) samada Kerajaan melibatkan diri dalam apa-apa perjanjian dengan sebarang Institusi Kewangan Antarabangsa seperti Bank Kemajuan Asia untuk mendapat bantuan kewangan bagi projek ini.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:

- (i) Lebih kurang \$200 juta.
- (ii) Kerajaan sedang meninjau sumber kewangan bagi projek ini dari segala punca di samping mengkaji kemungkinan menubuhkan sebuah syarikat bagi menjalankan operasi jambatan. Syarikat tersebut akan merupakan sebuah syarikat yang dimodali bersama oleh Kerajaan-kerajaan Persekutuan, Negeri dan orang ramai terutamanya orang-orang di Negeri Pulau Pinang dan yang berhampiran.

GAS—HARGA

45. **Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada kebenaran terlebih dulu telah diperolehi dari Kementerian beliau sebelum harga gas telah dinaikkan lebih 40% dalam bulan Mei.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Gas tidak termasuk senarai barang-barang kawalan dan oleh sebab itu tidaklah perlu bagi syarikat-syarikat minyak mendapat kebenaran daripada Kementerian saya.

KEBENARAN MELAWAT CHINA

46. **Tuan Tiah Eng Bee** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, iaitu dengan tertubuhnya hubungan diplomatik dengan Negeri China, samada warganegara-warganegara Malaysia yang ingin melancung ke Negeri Republik Rakyat China di kehendaki mendapatkan kebenaran daripada Kementerianannya dan, jika ya, bagaimanakah kebenaran ini boleh diperolehi.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Soalan ini telah saya jawab ketika menjawab soalan No. 10 pada 17hb Julai, 1974.

ANTI-SOROK BARANG-BARANG

47. **Tuan Seah Teng Ngiab** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau akan mengambil tindakan untuk mempercepatkan siasatan-siasatan ke atas kes-kes curiga menyorok barang-barang, termasuk barang-barang yang mudah busuk yang sekarang ini telahpun disimpan selama lebih daripada dua bulan di Balai-balai Polis dan setor-setor L.P.N. tanpa diberikan penyelesaian oleh pihak-pihak yang berkuasa.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Semua penyiasatan di atas kes-kes anti-sorok telahpun selesai dan tindakan Mahkamah sedang diambil. Pihak Bahagian Penguatkuasa Kementerian saya sedang mengambil tindakan melelong atau menjual secara tender tiap-tiap barang yang mudah rosak berasaskan kepada kuasa-kuasa di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

HIKMA—PERBADANAN NASIONAL PETROLIAM

48. **Tuan Ng Hoe Hun** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) bilakah HIKMA, sebuah syarikat menapis minyak akan ditubuhkan;
- (b) di mana kilang ini akan didirikan;
- (c) samada kilang penapis ini boleh memproses minyak mentah jenis nepthalenic atau paraffinic; dan

(d) samada kakitangan yang dilantik untuk mendapat latihan cara memproses minyak mentah telah diberi latihan atau belum.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud:

(a) Adalah dimaklumkan bahawa soalan Yang Berhormat itu tidak tepat. HIKMA bukanlah sebuah syarikat menapis minyak, tetapi ianya adalah daripada nama yang dahulunya dicadangkan bagi perbadanan nasional petroliam untuk mengambil bahagian di dalam beberapa aspek perindustrian petroliam. Oleh yang demikian soalan-soalan Yang Berhormat tidak dapat dijawab.

**MINYAK—KILANG PENAPIS
DI MALAYSIA**

49. Tuan Ng Hoe Hun minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) sebab-sebab mengapa kilang penapis minyak di Malaysia tidak boleh menapis minyak mentah yang dikeluarkan dari Sarawak; dan
- (b) apa perubahan-perubahan yang mesti dibuat kepada alat-alat penapis ini untuk membolehkannya menapis minyak mentah dari Sarawak ini.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud:

- (a) Soalan Yang Berhormat telahpun saya jawab pada sidang Parlimen yang lepas iaitu pada 26hb April, 1974. Ahli Yang Berhormat dijemput menyemak jawapan itu.
- (b) Untuk membolehkannya menapis minyak mentah dari Sarawak ini perubahan-perubahan teknikal mestilah dilakukan. Peralatan penapis mestilah diganti dan disuaikan. Ini akan memakan masa, mengendalikan kerja-kerja penapisan dan juga menelan belanja berjuta-juta ringgit.

MINYAK PETROL—HARGA

50. Tuan Ng Hoe Hun minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (i) sebab-sebab mengapa harga minyak petrol telah naik di Malaysia;
- (ii) sebab-sebab mengapa rakyat Malaysia tidak dapat faedah dari pengeluaran berlebihan minyak dari negara sendiri; dan

(iii) samada beliau boleh beri jaminan bahawa harga minyak petrol tidak akan naik lagi di Malaysia.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud:

- (i) Harga minyak petrol telah naik di Malaysia disebabkan kenaikan harga minyak mentah sebanyak 200% sejak 16hb Oktober, 1973 hingga sekarang. Harga yang ada pada masa-masa yang lepas telah dikajikan sebagai harga yang tidak ekonomik. Syarikat-syarikat minyak yang mengimpot enggan memberikan bekalan yang leb.h daripada bekalan mereka beri pada tahun 1973 dengan tambahan keperluan yang mereka anggar sebanyak 5-6% jika mereka akan mengalami kerugian. Oleh yang demikian harga minyak petrol dan lain-lain bahan petroliam telah dinaikkan.
- (ii) Hanya 15% daripada minyak keluaran Malaysia dapat digunakan dengan cara "blending". Peratusan ini adalah sangat kecil. Oleh yang demikian, dengan menggunakan pendapatan yang lumayan dari eksport minyak mentah, Kerajaan telah mengimpot minyak untuk kegunaan sendiri.

Perjumpaan-perjumpaan telaga minyak baru di Malaysia akan memakan masa yang panjang untuk mencapai peringkat pengeluaran. Adalah jangka peringkat pengeluaran dapat dicapai pada akhir tahun tujuh puluhan.

- (iii) Kerajaan tidak dapat memberi jaminan bahawa harga minyak petrol tidak akan naik lagi di Malaysia. Kenaikan harga bahan-bahan minyak berasaskan dari kenaikan harga minyak mentah, yang bergantung kepada harga pasaran minyak mentah dunia, yang kini tidak lagi stabil. Walau bagaimanapun, jaminan dapat diberi bahawa harga bahan-bahan minyak tidak akan dinaikkan lagi dalam jangka masa yang pendek ini.

**MAHKAMAH PERUSAHAAN—
PERTIKAIAN DIRUJUK**

51. Tuan Walter Loh Poh Khan minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar bahawa tempoh selama enam bulan atau lebih diambil untuk

mendapatkan keputusan selepas sesuatu pertikaian dirujukkan kepada Mahkamah Perusahaan, dan selanjutnya tempoh selama enam bulan lagi akan diambil untuk mengemukakan rayuan kepada Mahkamah Tinggi; jika ya, nyatakan samada beliau boleh menjamin suatu proses yang cepat untuk mengelakkan kelambatan supaya pekerja-pekerja tidak akan kerugian pendapatan sementara menunggu keputusan-keputusan.

Tan Sri V. Manickavasagam: Adalah tidak benar jika dikatakan bahawa jangka masa enam bulan atau lebih biasanya berlalu sebelum satu keputusan didapati selepas satu-satu pertikaian dirujukkan kepada Mahkamah Perusahaan. Pada kebiasaannya, satu-satu pertikaian itu didengar oleh Mahkamah dalam tempoh masa dua minggu selepas rujukan dan satu tarikh perbicaraan ditetapkan dalam tempoh masa dua atau tiga bulan, bergantung kepada sifat pertikaian tersebut dan tarikh-tarikh yang sesuai kepada pihak-pihak yang berkenaan dan peguam-peguam mereka. Sementara itu, pihak-pihak yang berkenaan dibenarkan jangka masa satu setengah bulan atau dua bulan untuk mereka mengemukakan tuntutan-tuntutan bertulis mereka dan untuk memberi jawapan-jawapan. Jangka masa satu setengah bulan atau dua bulan ini tidak mungkin dipendekkan. Sering sekali satu-satu keputusan itu diberi dalam tempoh satu bulan dari tarikh selesainya perbicaraan, tetapi dalam kes-kes yang agak luar biasa, terutamanya di mana perbicaraan memakan masa yang panjang, ia mungkin mengambil masa yang lebih lama. Tidak mengira kejadian-kejadian di mana Mahkamah perlu bersurai dan lain-lain sebab-musabab yang tidak dapat dielakkan, bolehlah dikatakan bahawa, mengikut hitung panjang, sekurang-kurangnya jangka masa tiga bulan diperlukan sebelum satu-satu pertikaian itu dapat diputuskan.

PENEROKA-PENEROKA RANCANGAN TANAH FELDA

52. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan jumlah peneroka-peneroka di rancangan tanah FELDA dan angka pecahan mengikut kaum dan samada ada menjadi polisi Kerajaan untuk menjamin bahawa peneroka-peneroka ini mencerminkan

keadaan masyarakat berbilang kaum, di Malaysia terutama di rancangan-rancangan seperti Tiga Segi Jengka, Johor Tenggara dan Pahang Tenggara.

Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Sehingga 30hb Jun, 1974 FELDA telahpun menempatkan seramai 30,012 orang peneroka di Rancangan-rancangan FELDA. Dari jumlah itu 28,770 orang terdiri dari kaum Bumiputra, 649 dari kaum China, 560 orang dari kaum India dan 33 orang dari kaum-kaum yang lain.

Adalah menjadi dasar atau polisi Kerajaan untuk menempatkan warganegara Malaysia dari semua kaum yang berlatar-belakangkan sektor pertanian dan tidak mempunyai tanah untuk menjadi peserta-peserta di Rancangan FELDA dan bagi menjayakan dasar ini Kerajaan tidak mengenakan apa-apa sekatan kepada mana-mana kaum itu untuk memasuki Rancangan FELDA. Walau bagaimanapun faktor-faktor bagi menentukan samada sesuatu kaum itu sanggup memenuhi syarat-syarat yang utama seperti menerima konsep FELDA dan kesanggupan meninggalkan tempat asal mereka mestilah ditentukan terlebih dahulu. Dari pengalaman dan juga berdasarkan angka-angka yang tersebut di atas adalah didapati bahawa kaum-kaum dari golongan yang bukan Bumiputra kurang berminat untuk menyertai rancangan-rancangan konsep FELDA yang dijalankan itu. Dari jumlah permohonan-permohonan yang sedang ditimbang sekarang ini, 76.77% adalah dari kaum Bumiputra, 12.07% dari kaum China dan 11.16% dari kaum India. Dari jumlah peratus ini adalah didapati bahawa permohonan-permohonan yang diterima dari kaum bukan Bumiputra ialah kurang dari 25%. Dengan ini maka jelaslah bahawa minat dan kesanggupan untuk menjadi peserta FELDA adalah faktor utama yang mengujudkan komposisi untuk kaum seperti yang ada sekarang. Saya percaya keadaan ini boleh berubah apabila kesedaran telah merata.

SUBSIDI BAJA

53. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada langkah-langkah tegas telah diambil bagi menjamin supaya musim mengetam

padi akan datang, tidak akan berlaku kekurangan baja-baja urea dan kenaikan harganya yang tinggi.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Ya. Satu rancangan subsidi baja urea akan dilancarkan pada musim tanaman padi yang kedua yang akan bermula bulan ini. Kementerian saya telah mengaturkan pembekalan baja urea untuk sekum subsidi yang tersebut. Di bawah sekum subsidi ini petani-petani padi akan hanya dikehendaki membayar harga urea sebanyak \$10 bagi satu kampit berisi 44 lb dan Kerajaan akan memberi subsidi bagi membayar harga baja urea sekiranya lebih daripada itu.

INFLASI—REDAKAN BEBANAN

54. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Majlis Penasihat dan Pelindung Pengguna untuk meredakan beban inflasi rakyat di negara kita.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Sebagai Ahli Yang Berhormat maklum Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan adalah sebuah Badan Penasihat yang ditubuhkan mengikut Ordinan Kawalan Harga, 1946 dan bertanggungjawab untuk memberi nasihat kepada Kerajaan supaya beberapa langkah dapat diambil bagi melindungi kepentingan pengguna dan mengawal inflasi secara langsung dan tidak langsung. Majlis ditubuhkan kira-kira satu tahun dan telah mengadakan empat mesyuarat. Pada tiap-tiap mesyuarat Majlis membincangkan kertas-kertas kerja mengenai perlindungan pengguna dan menimbangkan laporan-laporan Panel-panel Majlis. Panel-panel itu ialah:

- (A) Panel "A" bertanggungjawab tentang perkara Penyelidikan dan Perancangan.
- (B) Panel "B" bertanggungjawab tentang perkara Penguatkuasa dan Undang-undang.
- (C) Panel "C" bertanggungjawab tentang perkara Seranta dan Pembangunan.

Beberapa cadangan telah dibuat dan di antaranya sedang dilaksanakan ialah:

- 1. Pindaan kepada Akta Kawalan Harga, 1946 yang mana tanda harga diperkuatkuasakan ke peringkat pengeluar, pengimpot dan pemborong. Kajian

lanjut sedang dan akan dibuat atas Ordinan Kawalan Harga (1946), Akta Kawalan Harga (Pindaan), 1974, Ordinan Penjualan Makanan dan Dadah, 1952, Akta Kawalan Bekalan, 1961, Akta Sewabeli, 1967, Akta Hakcipta, 1969 dan Akta Perihal Dagangan, 1972 supaya kepentingan pengguna dijaga dengan kesan.

- 2. Menganjurkan peraduan mengarang bagi sekolah-sekolah menengah dengan kerjasama Kementerian Pelajaran. Tajuk-tajuk tertentu mengenai perlindungan pengguna dan inflasi telah ditetapkan.
- 3. Mencadangkan kepada Kementerian Pelajaran supaya aspek pendidikan pengguna dimasukkan dalam mata pelajaran di sekolah-sekolah.
- 4. Mendapatkan kerjasama akhbar-akhbar memulakan ruangan pengguna terutama sekali dari segi harga barang-barang harian dan aspek perlindungan pengguna.
- 5. Menentukan kadar pertukaran matawang yang berpatutan bagi buku-buku impot dengan kerjasama Persatuan Pengeluar-pengeluar Buku dan Persatuan Penjual-penjual Buku.
- 6. Mencadangkan sistem kedai harga berpatutan di seluruh negara dengan Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia sendiri menguruskannya dengan permulaannya di Negeri Selangor.

RAYUAN JADI WARGANEGARA MALAYSIA

55. Tuan Chan Fu King minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (i) Jumlah bilangan rayuan untuk menjadi warganegara Malaysia yang telah diterima oleh Kementeriannya dari 31-8-1957 hingga 30-6-1974;
- (ii) Jumlah rayuan-rayuan tersebut yang telah diluluskan dan yang tidak diluluskan dalam tempoh tersebut di atas; dan
- (iii) Apakah langkah Kementerian beliau telah ambil untuk mempercepatkan cara-cara memproseskan rayuan-rayuan untuk menjadi warganegara Malaysia.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Shafie:

- (i) Jumlah rayuan-rayuan yang diterima daripada tahun 1967 hingga 30-6-1974 ialah 2,592. Rekod-rekod tidak disimpan bagi tahun-tahun sebelum daripada itu.
- (ii) Bagi tempoh yang sama, jumlah rayuan-rayuan yang diluluskan ialah 659, yang ditolak ialah 1,113 dan dalam pertimbangan 820.
- (iii) Kementerian ini sentiasa menjalankan tugas untuk menyelesaikan rayuan-rayuan yang diterima dengan seberapa segera yang boleh.

PELAJARAN UNIVERSITI DI CHINA

56. Tuan Chan Fu King minta Menteri Pelajaran menyatakan samada kebenaran akan diberi kepada pelajar-pelajar dari Sekolah-sekolah Menengah China Bebas untuk melanjutkan pelajaran Universiti mereka di Institut Pelajaran Tinggi di Republik Rakyat China.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Pada masa ini saya tidak dapat memberi jawapan yang tepat oleh kerana setahu saya negara tersebut mempunyai sistem politik, sosial dan pelajaran yang berlainan daripada sistem di negara kita.

Perkara ini mesti dipertimbangkan berasas kepada kepentingan negara dari segi hasrat hendak membina negara Malaysia yang bersatu padu.

DOKTOR-DOKTOR PAKAR DARI CHINA

57. Tuan R. C. M. Rayan minta Menteri Kesihatan menyatakan, memandangkan perhubungan baik yang ada diantara Malaysia dengan Negara China oleh kerana lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita baru-baru ini, samada beliau akan menimbang mengambil doktor-doktor pakar dari Negeri China berkhidmat di Malaysia untuk merawat penyakit barah yang teruk dan untuk memberi rawatan acupuncture kepada pesakit-pesakit di sini yang berkehendakan rawatan itu, kerana ramai pesakit-pesakit yang telah pergi ke sana dan balik telah sembuh.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tidak. Kementerian saya tidak ada apa-apa rancangan untuk mengambil doktor-doktor pakar dari Negeri China berkhidmat di Malaysia untuk merawat kes-kes penyakit barah dan memberi rawatan acupuncture. Rawatan bagi penyakit barah ada didapati dalam negara ini. Tidak ada angka-angka yang boleh didapati menunjukkan bilangan pesakit-pesakit barah yang telah pergi ke Negeri China dan balik dengan kejayaan.

DOKTOR-DOKTOR MALAYSIA KE CHINA

58. Tuan R. C. M. Rayan minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau ada apa-apa rancangan untuk menghantar doktor-doktor kita ke Negeri China untuk mendapatkan latihan pakar di bidang rawatan penyakit barah dan acupuncture oleh kerana memandangkan ramai pesakit-pesakit yang telah pergi ke Negeri China untuk mendapatkan rawatan telahpun mendapatnya dengan kejayaan.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tidak. Kementerian saya tidak ada apa-apa rancangan untuk menghantar doktor-doktor kita ke Negeri China bagi mendapatkan latihan pakar dalam rawatan penyakit barah dan acupuncture kerana ini tidak difikirkan perlu.

GAJI RENDAH ANGGOTA POLIS

59. Dr A. Soorian minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada:

- (a) beliau sedar tentang gaji yang rendah yang diberi kepada anggota-anggota Polis dan jika ya, nyatakan samada beliau akan mengkaji semula tanggaga mereka;
- (b) beliau sedar akan kekurangan yang dahsyat tentang perumahan untuk pegawai-pegawai Polis dan jika ya, nyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan akan ambil untuk mengatasi masalah ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- (a) Sekel gaji bagi anggota Polis sekarang ini adalah selaras dengan syor Lapuran Suffian yang mana dipakai juga ke atas perkhidmatan-perkhidmatan awam yang lain. Bagi membantu mereka yang

berpendapatan di bawah \$500 sebulan kerana meningkatnya kos saraan hidup sekarang ini Kerajaan telahpun mengambil langkah memberi mereka Elaun Bantuan Khas sebanyak \$30 sebulan. Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang hendak mengkaji sekil gaji mereka.

- (b) Untuk menjawab soalan itu sukaiah saya menerangkan bahawa mengikut syarat-syarat perkhidmatan yang telah diterima oleh semua peringkat anggota-anggota Polis Kerajaan hanya bertanggungjawab untuk memperuntukkan rumah-rumah dan berek percuma kepada anggota Polis pangkat rendah sahaja. Bagi anggota ini yang tinggal di luar atau rumah private elaun perumahan adalah diberi. Bagi Pegawai-pegawai Polis selain daripada Inspektor, mengikut syarat-syarat perkhidmatan, Kerajaan tidak mengadakan perumahan percuma bagi mereka. Masaalah ini adalah tanggungjawab mereka sendiri. Masaalah perumahan bagi Inspektor-inspektor Polis perkara ini adalah dalam pertimbangan Kerajaan.

Bagi Pegawai-pegawai yang mengisi jawatan "duty post" rumah jabatan (institutional house) adalah disediakan dengan dikenakan bayaran sewa yang rendah.

Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk membina rumah-rumah dan berek bagi anggota-anggota Polis pangkat rendah dalam Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua. Ketutamaan adalah diberi bagi membina rumah-rumah dan berek di mana balai-balai Polis yang baru didirikan. Berek-berek yang lama adalah digantikan dengan rumah-rumah dan berek yang lebih luas dan moden. Dalam Rancangan Malaysia Pertama sebanyak kira-kira 6,250 buah telah dibina dan sebanyak 12,000 lagi akan siap menjelang akhir tahun 1975. Adalah dianggarkan bahawa dengan siapnya rancangan-rancangan itu 70% anggota-anggota Polis pangkat rendah akan dapat menduduki rumah-rumah berek. Di samping itu rumah-rumah dan berek tambahan akan terus dibina dari masa kemasa untuk mengawasi kekurangan

dan keperluan perumahan terutama sekali bagi anggota-anggota Polis pangkat rendah.

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN 18 (2)

Tuan Yang di-Pertua: Saya hendak memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa saya ada menerima sepucuk surat daripada Ahli Yang Berhormat dari Datuk Keramat menyeru Peraturan 18 (2) iaitu penangguhan di bawah perkara yang mustahak. Sekarang saya jemput Setiausaha membacakan surat itu.

(Setiausaha membacakan surat tersebut)

Usul daripada Yang Berhormat Tuan V. David.

"Saya ingin mendapat kelulusan untuk meminta penangguhan Dewan ini bagi membincangkan satu cadangan yang sungguh penting untuk orang ramai di bawah Ceraian 18, Standing Order:

Bahawa Dewan ini sungguh berasa dukacita terhadap tahanan Encik Chiang Kow @ Cheng Meng Chai pada bulan Julai, 1971 di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Sebelum dianya ditahan dianya adalah seorang yang sangat sihat dan dalam masa mogok lapar bersama-sama orang-orang tahanan politik yang lain dia telah dipukul dan diseksa beberapa kali oleh Polis Federal Reserve Unit (Polis Pencegah Rusuhan). Disebabkan itu kedua-dua buah pinggangnya telah rosak dan dia dimasukkan di Rumah Sakit Daerah Batu Gajah dan berada di sana sehingga hari ini. Badannya bengkok-bengkok, perjalanan darahnya telah naik, dia selalu muntah-muntah apa-apa sahaja makanan yang masuk dalam tubuhnya.

Pihak Jabatan yang berkenaan telah gagal mengambil tindakan di atas kelemahan buah pinggang. Oleh itu, Encik Chan Kow @ Cheng Meng Chai mestilah dipindahkan ke Hospital Besar, Kuala Lumpur ataupun Universiti Hospital di mana dapat diberi pertolongan jentera buah pinggang. Surat yang ditulis oleh keluarganya kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hendaklah dijawab. Encik Chan Kow @ Cheng

Men^g Chai hendaklah dibebaskan dengan sege^{ra} bagi membolehkan keluarganya berada di sampingnya dan memberikan apa-apa pertolongan atau bantuan untuk membolehkan dirinya mendapat kebaikan dengan sege^{ra}.

Bayaran yang berpatutan hendaklah dibayar kepadanya disebabkan kerosakan kesihatannya hasil dari tindakan oleh Polis Pencegah Rusuhan.

Satu Badan Penyiasatan Bebas hendaklah dilantik bagi mengkaji dan menyelidiki apakah sebabnya pemogokan lapar dilakukan oleh orang tahanan pada tahun 1973, dan juga tindakan Polis yang kasar dalam masa keada^{an} yang cemas tersebut. Jawatankuasa ini hendaklah harus diberi kuasa membuat cadangan bagi menyusun semula kehidupan orang-orang tahanan politik dan memberikan mereka semua peralatan moden yang dikehendaki untuk standard antarabangsa.

Yang benar,

t.t.

(V. David)".

Tuan Yang di-Pertua: Perkara yang semacam ini telah saya terangkan petang semalam. Mengikut Peraturan Mesyuarat 18 (2) mestilah suatu perkara yang tertentu dan yang berkehendak disegerakan dan bagi kepentingan orang ramai. Ada tiga syarat.

Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu hendaklah perkara yang tertentu kerana beberapa soalan, tidak di bawah satu permohonan dalam perkara yang tertentu, bukan satu perkara, tetapi banyak perkara.

Yang kedua, tidak berkepentingan orang ramai kerana melibatkan pihak yang tertentu sahaja (Chan Kow sahaja) bukan orang ramai.

Yang ketiga, saya berpendapat tidak berkehendak disegerakan, oleh kerana Encik Chan Kow @ Cheng Meng Chai telah pun dibebaskan pada 28hb Jun, 1974.

Ofh yang demikian, saya tak dapat memberi izin supaya usul ini dikemukakan.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PEMEGANG AMANAH (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Pemegang Amanah, 1949; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Pelajaran; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULANWANG KUTU (PENGESEAHAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengesahkan, bagi maksud-maksud penggulangan, beberapa transaksi yang lepas mengenai kumpulanwang kutu yang dijalankan oleh syarikat-syarikat; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG GALAKAN PELABURAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Galakan Pelaburan, 1968; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

USUL

ATURAN URUSAN MESYUARAT— PERUBAHAN

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 14 (2) Majlis ini akan terus menimbangkan perkara No. 2 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.

Sebab-sebab saya mencadangkan demikian ialah untuk memberi masa kepada Ahli-ahli sekalian menyemak pindaan kepada Rang Undang-undang Petroleum ini.

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 14 (2) Majlis ini akan terus menimbangkan perkara No. 2 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG POLITEKNIK UNGKU OMAR

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.47 ptg.

Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamad bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Politeknik Ungku Omar, 1974 dibaca bagi kali yang kedua.

Politeknik Ungku Omar telah ditubuhkan pada tahun 1969 di atas kerjasama di antara Kerajaan Malaysia dengan United Nations Development Programme (U.N.D.P.). U.N.D.P. telah menyumbangkan tenaga penasihat, alatan dan biasiswa bernilai kira-kira US\$1.76 juta. Manakala Kerajaan Malaysia pula telah mengeluarkan sebanyak lebih kurang M\$20 juta dalam bentuk perkhidmatan kakitangan tempatan, bangunan-bangunan dan juga alatan. Politeknik ini ditubuhkan untuk melatih tenaga rakyat di peringkat pertengahan khususnya di dalam bidang teknik dan perdagangan di dalam menjalankan tugasnya politeknik ini dibantu oleh sebuah Lembaga Penasihat yang dianggotai oleh Ahli-ahli daripada Pegawai-pegawai Kerajaan dan juga wakil-wakil dari pihak swasta. Lembaga ini menasihati politeknik dari segi Pentadbiran Am, Kewangan dan juga kursus-kursus yang diadakan.

Setelah 5 tahun politeknik ini ditubuhkan dan bergerak sebagai sebuah badan Kerajaan maka adalah difikirkan sudah sampai masanya ia dijadikan sebuah Badan Berkanun. Politeknik Ungku Omar bukan sebuah sekolah. Ia adalah sebuah yayasan yang memberikan latihan di peringkat pertengahan khususnya latihan untuk

juruteknik-juruteknik dan ahli-ahli perdagangan. Latihan praktik pelajar-pelajar politeknik ini diberikan bukan sahaja di sektor awam bahkan juga di sektor swasta dengan menjadikannya sebuah Badan Berkanun. Politeknik akan dapat bergerak dengan lebih pantas dan licin lagi. Politeknik juga akan mempunyai kebebasan untuk mendapatkan unsur-unsur kewangan daripada punca-punca lain selain daripada Kerajaan.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menjadikan Politeknik Ungku Omar sebagai sebuah Badan Berkanun yang mempunyai tugas-tugas untuk mengadakan pengajian dan latihan dalam bidang teknologi dan perdagangan dan lain-lain pengajian dan latihan yang diluluskan oleh Menteri Pelajaran. Politeknik ini akan dikelola oleh satu Lembaga Pengelola yang ditubuhkan di bawah Fasal 5. Fasal itu juga menghuraikan perantikan dan bilangan ahli-ahli serta tanggungjawab dan tugas-tugas Lembaga.

Fasal 9 pula menghuraikan kuasa Lembaga mengenai pemegangan harta dan membuat kontrek. Keterangan yang lain ialah dihuraikan di dalam Rang Undang-undang itu sendiri.

Saya mohon mencadangkan.

Menteri Kebajikan Am (Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.50 ptg.

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin bercakap mengenai Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran, dan di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang membawa Rang Undang-undang ini ke Dewan ini. Sebenarnya, Rang Undang-undang ini perlu dibawa ke Dewan ini bukannya sekarang, tetapi barangkali dua tiga tahun dahulu apabila Politeknik Ungku Omar telah ditubuhkan.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, the Ungku Omar Polytechnic has had its share of teething troubles, perhaps more than its share of teething troubles, because from time

to time it hits the headlines which must be very embarrassing to the Minister. Perhaps one of the reasons why it has hit the headlines by way of strikes, sit-ins and lock-outs may be because there has been no properly constituted body to look after the Polytechnic. I am glad that this Bill now before this House sets the pattern for the running of the Polytechnic and, with this, I hope a good deal of teething troubles will disappear.

I notice, Mr Speaker, Sir, that Clause 5 (2) of the Bill says:

"The Board shall consist of a Chairman and not more than fifteen other members to be appointed by the Minister, and shall include representatives from both the public and the private sectors."

I do hope, Mr Speaker, Sir, that at some later time the Minister will find it useful to make provision for the graduates of the Polytechnic to be represented on this Board. I do hope the Minister will recognise that graduates have a stake in the welfare of their *alma mater*. This the Government has recognised by having the graduates of all the Universities to be represented in the Councils of the Universities and if we follow that logic, then one would hope that the graduates of the Ungku Omar Polytechnic should also be represented on the Board of Management so that, apart from their loyalty, they can contribute usefully to the running of the Board.

Now, I do hope that the Minister and the Government will impress on the younger generation in this country that the by all and end all of higher education is not a university education. What this country needs at this moment, particularly with so much development going on, is not a whole bunch of engineers, because engineers by themselves will not be able to do much unless they are supported by an adequate number of technicians, those with diplomas. I myself, in the course of being on certain statutory bodies, find that whenever we advertise for Technical Assistants there is an extreme dearth of Technical Assistants and it should be the job of institutions like the Ungku Omar Polytechnic to try and produce an adequate number of Technical Assistants in all the various fields so that they can meet the demands of the country; and they should not only be in adequate number but the brighter ones should be given the chance also to continue their education in our Universities

in the disciplines that they are trained in. For example, if a person has been trained in civil engineering in the Polytechnic and if he has obtained a first-class diploma and shown outstanding scholastic results, then he should be given an opportunity to continue in his education in the Faculty of Engineering, for instance, in the University of Malaya, so that his talents may not be wasted.

Mr Speaker, Sir, apart from these few observations, I do hope that the new Board when it is constituted will also look into the grievances of the students. There is no doubt that the students have many grievances, perhaps grievances galore, and the Board should not take a high-handed attitude towards the students. I believe these students are all affiliated to the National Union of Students in the Institutions of Higher Learning in this country and they are a potent force to be reckoned with and therefore this Board, when it is fully constituted, should always deal, I do not say with kid-gloves, with the students, but should try and understand the grievances of the students so that the strikes and the other unpleasant happenings that we see from time to time in the Ungku Omar Polytechnic do not arise.

3.56 ptg.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang ini.

Saya menyokong oleh kerana bukan sahaja bumiputra dapat belajar di Politeknik Ungku Omar tetapi juga anak-anak bumiputra boleh yang bekerja di kilang-kilang. Di kilang-kilang pada masa ini mereka di ambil bekerja sebagai buruh. Sungguhpun ada kenyataan mengatakan sekurang-kurangnya 40% daripada pekerja dalam kilang-kilang itu mesti diambil dari bumiputra, tetapi 40% bumiputra yang diambil bekerja itu adalah sebagai buruh belaka. Kalau kita tengok technicians di dalam tiap-tiap kilang, kita boleh dapati tidak sampai 2% bumiputra yang bekerja di kilang-kilang sebagai technicians dan sebagainya.

Pada hari ini bumiputra yang bekerja di kilang-kilang oleh kerana tidak ada mempunyai pelajaran, oleh kerana tidak mempunyai pengetahuan, oleh kerana tidak ada

segala-galanya, maka bumiputra bekerja sebagai buruh kasar sahaja dan akan terus menjadi buruh kasar sehingga mereka ini bersara kelak. Maka dengan adanya Politeknik Ungku Omar ini, saya berharap majikan-majikan pada masa akan datang tidak lagi mengambil bumiputra bekerja di dalam kilang-kilang mereka untuk menjadi buruh sahaja supaya Kerajaan berpuas hati, kerana telah mengambil bumiputra bekerja sebanyak 40%. Sebenarnya mereka itu menjadi hamba atau buruh semata-mata. Adalah diharap pada masa akan datang pihak Kerajaan, terutama sekali pihak Kementerian Pelajaran mestilah memerhatikan bukan sahaja penuntut-penuntut di sekolah, tetapi mestilah memerhatikan juga bumiputra yang banyak bekerja di kilang-kilang yang ada mempunyai pelajaran L.C.E. atau Senior Cambridge dan sebagainya, agar kilang-kilang tersebut mestilah mengambil mereka dan Kementerian Pelajaran mestilah memberi keutamaan kepada mereka ini belajar di situ oleh kerana pada suatu masa akan datang kelak bumiputra akan dapat menjalankan pekerjaan, bukan hanya menyapu longkang di kilang-kilang atau menyapu sampah, tetapi suatu pekerjaan yang bertanggungjawab. Saya berharap Kementerian Pelajaran juga akan mengambil perhatian, jikalau Pejabat Tanah boleh memotong Cukai Pelajaran kepada orang yang membayar cukai tanah, maka apabila Kementerian Perdagangan dan Perindustrian membaharui lesen bagi perdagangan dan perindustrian mengenakan cukai-cukai pelajaran bagi kilang-kilang itu menghantar anak-anak bumiputra ataupun lain-lain pelajaran di sekolah politeknik atau sekolah teknik yang lain. Maka dengan itu, saya adalah menyokong dengan sepenuhnya di atas Rang Undang-undang ini.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusikan Mesyuarat*)

4.01 ptg.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong dan mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah membawa Rang Undang-undang ini bagi dikuatkuasakan pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, badan berkanun Politeknik Ungku Omar ini adalah menjadi satu pertolongan yang besar pada melaksanakan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Sebab, pada masa sekarang, samada dalam Jabatan-jabatan Kerajaan termasuk juga dalam pejabat swasta dan perkilangan dalam negeri ini sangat kurang kepada tenaga profesional iaitu tenaga yang ada mempunyai latihan. Saya sangat berbesar hati atas pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sewaktu mengemukakan Rang Undang-undang ini iaitu Badan ini kelak akan menjadi bengkel melatih rakyat di dalam negeri ini, belia dan beliawanis pada peringkat pertengahan dalam bidang juruteknik dan perdagangan. Dengan keadaan ini, saya percaya bahawa apa yang saya katakan tadi Dasar Ekonomi Baru Kerajaan akan dapat dilaksanakan dalam masa yang ditentukan dan dengan ini juga saya percaya peluang yang akan didapati oleh bumiputra kita untuk mengisi kehendak-kehendak Dasar Ekonomi Baru.

Saya fikir dalam masaalah tenaga pengajar di Politeknik ini tentu akan berkurangan, maka dengan itu sekiranya kita tidak dapat tenaga pengajar daripada orang-orang tempatan, kita mencari tenaga pengajar daripada orang-orang dagang. Saya percaya banyak negara-negara akan memberikan kerjasama dalam bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap pada masa hadapan anak-anak kita yang keluar daripada Politeknik ini tidak akan menjadi seperti yang berlaku kepada I.T.M., bahawa setengah-setengah sektor swasta dan perkilangan mempunyai bermacam-macam helah menolak pelajar-pelajar daripada I.T.M., dan kita harap pelajar-pelajar kita daripada keluaran politeknik ini juga tidak akan jadi sedemikian.

Pada akhirnya, saya menyokong pandangan rakan sejawat saya dari Kuala Selangor bahawa sektor swasta dan perkilangan dalam negeri ini juga patut memberikan sumbangan kewangan pada tabung badan ini, sebab dari masa ke semasa tentulah berkehendakan kewangan yang cukup, alat kelengkapan untuk hendak melatih anak-anak kita yang layak dengan pelajaran yang dikehendaki dalam bidang ini.

4.05 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban Timur): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, it is with great pleasure that I take this opportunity to participate in the debate on the Politeknik Ungku Omar Bill, because I feel that a

polytechnic college like this is useful in the light of the various development projects that are going on in this country.

We know from experience that quite a number of projects have in fact been held up and delayed because of the great shortage of middle-level technicians or engineers. For example, the highway up in the north that links the east and the west coast suffers from a shortage of engineers in the middle levels. I am told that this is also the case with other highways. Even bridges which have been washed away by floods take considerable time to be repaired or to be remade largely because of the shortage of technicians. If we have a sufficient number of technicians or technical assistants, I feel that this type of delay would not occur. Therefore, while I agree that the administration of the Ungku Omar Polytechnic would be improved by the setting up of a Board, I feel that the Government should pay more attention to the establishment of more centres or colleges like this in other parts of the country, besides this one at Ipoh. There is, of course, the National Institute of Technology, the former Technical College at Kuala Lumpur. But since it is the intention of the Government to establish more industrial centres in other parts of the country and to spread the industrialisation of Malaysia to various parts of the country and rural areas, I feel that more colleges should also be set up in other parts of the country, probably one in each State.

Every engineer who graduates from a Faculty of Engineering at University level would require a subordinate team of at least 20 or 30 middle-level technicians or technical assistants to help him to implement his ideas or his schemes and even more so, a bigger army of vocational or skilled personnel. So, while we are also short of middle-level engineers or technicians, there is also an extreme shortage of vocational or trained and skilled artisans and skilled carpenters, skilled welders and people like that. So, I am grateful that this Bill is brought forward because it highlights the vast problem of shortage of skilled technical personnel, and I would urge the Government to study carefully the proposition that more such polytechnic colleges should be set up in other parts of the country.

I feel also that if more technical colleges were to be established, they would also relieve the pressure by students to struggle for

places in the existing universities which, as you know, are hopelessly inadequate to cope with the increasing numbers of students who have passed at H.S.C. or M.C.E. level. I think that would give our own children a chance to have "blue collar" jobs which nowadays pay as well as "white collar" jobs—and in some cases even better than "white collars" jobs—and parents themselves fully realise that in this age of science and technology it is wiser for them to have their children trained in the technical sciences, so that they can become technicians, if not engineers, or if not technicians, skilled artisans, for these jobs pay much better. In fact, in developed countries, for example Australia, I have been reliably informed that the youths there prefer not to go to universities, because as skilled artisans they sometimes get paid or they are rewarded with fees that total, for the whole month, much more than what a teacher would get or even what a doctor would get in practice. So, in Australia, among the Australian youths themselves, there is not so much demand for university places, because there are sufficient training centres for skilled artisans and technicians at the middle-engineer level.

It is regrettable to see that because of the shortage of places in our polytechnic colleges—there are only one or two now—children of poor parents have no opportunity, whereas people like Ministers have the money or the ability to send their children overseas to study in polytechnic colleges in Britain and other places. This, I think, is a discriminative type of situation and should be avoided by the establishment of more polytechnic colleges. Thank you, Mr Speaker, Sir.

4.10 ptg.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada teguran-teguran dan syor-syor yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya mengambil peluang ini menjelaskan sedikit atas teguran-teguran yang dibuat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Batu menyentuh berkenaan dengan Lembaga Pengelola patut dimasukkan bekas-bekas penuntut. Memang Menteri ada kuasa untuk melantik 15 orang dan saya akan ambil perhatian

tentang syor itu. Beliau juga telah mengesyorkan supaya penuntut-penuntut dari Politeknik ini dibenarkan masuk ke universiti. Ini memang sudah dilaksanakan iaitu penuntut-penuntut yang mendapat kelulusan yang bagus, boleh meminta masuk ke Universiti Malaya bagi membuat ijazah engineering ataupun ke Instituti Teknologi Kebangsaan, iaitu peringkat universiti, bagi mengambil ijazah engineering ataupun pengajian-pengajian yang lain.

Semasa politeknik ini ditubuhkan memang ada banyak teething problems dan boleh dikatakan semuanya sudah dibereskan kecuali ada sedikit grievances ataupun ada perkara-perkara yang penuntut-penuntut kurang puas hati dan ini juga telah diberi perhatian. Sungguhpun pada masa dahulu politeknik ini tidak ada constitutionnya sendiri, tetapi memang Kementerian Pelajaran sentiasa mendengar rayuan-rayuan daripada penuntut-penuntut, dan dari masa ke semasa telah memperbaiki keadaan-keadaan yang tidak memuaskan itu. Dengan adanya perlembagaan sendiri, maka tentulah rayuan-rayuan penuntut-penuntut itu akan diberi perhatian lebih berat lagi pada masa akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor mengesyorkan supaya majikan mengambil penuntut-penuntut daripada Politeknik Ungku Omar ini. Saya sukacita memaklumkan kepada Dewan ini iaitu penuntut-penuntut dari Politeknik Ungku Omar sebelum mereka mendapat ijazah mereka sudahpun diambil bekerja oleh pihak swasta, sewaktu menunggu keputusan peperiksaan itu biasanya mereka telah ditempatkan oleh kilang-kilang dan juga pihak swasta atau firma-firma. Ini bermakna kelulusan mereka sangatlah dikehendaki oleh pihak swasta. Jadi tidaklah berbangkit soal yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu iaitu majikan tidak mengambil mereka ini untuk bekerja dalam bahagian-bahagian pertengahan, juruteknik dan sebagainya, bahkan mereka sentiasa diambil sekiranya politeknik ini mengeluarkan penuntut-penuntut yang berkelulusan. Politeknik ini tidaklah mengambil penuntut-penuntut yang tidak ada kelayakan yang cukup. Mereka yang hendak masuk ke politeknik ini hendaklah mempunyai kelulusan L.C.E. yang bagus. Sesiapa sahaja samada dia itu pekerja ataupun penuntut-penuntut yang ada kelulusan dan kelayakan yang

patut, mereka itu akan diberi pertimbangan oleh Politeknik Ungku Omar untuk masuk sekira ada tempat kosong.

Berkenaan dengan pengesyoran supaya Cukai Pelajaran juga dikenakan kepada kilang-kilang yang mengeluarkan ataupun membuat perusahaan dalam negara ini, perkara ini akan diambil perhatian. Perkara ini terpaksa dirundingkan dengan pihak Kementerian-kementerian yang lain termasuklah Perbendaharaan.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara mengesyorkan supaya tenaga pengajar kalau sekiranya tidak cukup patutlah diambil daripada tenaga pengajar dari luar negeri. Pada masa ini pun memang sudah banyak tenaga pengajar dari luar negeri dan tenaga-tenaga itu diberi pinjam oleh Kerajaan-kerajaan seperti Germany, Amerika Syarikat, Britain, Jepun dan beberapa buah negara lain melalui UNESCO. Pihak UNESCO adalah sentiasa berunding dengan Kementerian Pelajaran bagi memenuhi kekosongan di dalam politeknik ini.

Sebagaimana yang saya telah terangkan tadi berkenaan dengan graduates ataupun penuntut-penuntut yang lulus dari politeknik ini, setahu saya tidaklah ada apa-apa komplek daripada pihak majikan yang telah menggunakan tenaga penuntut yang lulus dari politeknik tersebut. Apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara bahawa kadang-kadang bekas penuntut-penuntut dari I.T.M. tidak begitu dipuji oleh setengah majikan, tetapi setahu saya bekas penuntut-penuntut ataupun keluaran Politeknik Ungku Omar sentiasa disanjung tinggi dan dihargai oleh pihak-pihak swasta.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timur telah mengesyorkan supaya lebih banyak lagi politeknik semacam ini ditubuhkan di dalam negara kita. Kementerian Pelajaran memang bercadang akan menubuhkan sebuah lagi politeknik semacam ini di Kuantan. Kita terpaksa menggunakan wang pinjaman daripada Bank Dunia dan pinjaman ini telahpun diluluskan oleh Bank Dunia. Tapak binaan sudahpun disediakan dan tapak ini telah diberikan oleh Kerajaan Negeri Pahang bagi mengadakan Politeknik Ungku Omar yang kedua. Oleh kerana kekurangan tenaga pengajar dan juga perbelanjaan bagi sesebuah politeknik ini adalah besar, maka tidaklah dapat untuk waktu ini ditubuhkan lebih banyak lagi politeknik.

Bagi pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu kita ada Sekolah Menengah Vocational yang bertaraf sedikit rendah daripada politeknik, tetapi mengeluarkan juruteknik-juruteknik dan peringkat kakitangan yang mahir dalam pihak swasta dan juga dalam jawatan-jawatan Kerajaan. Pada masa ini kita telah ada 17 buah Sekolah Menengah Vocational dan mengeluarkan kakitangan yang mahir dalam bidang juruteknik, jurubina, welding, mekanik dan beberapa lagi pekerjaan. Kita membanyakkan Sekolah Menengah Vocational kerana didapati pembinaannya adalah sedikit murah daripada politeknik dan guru-guru serta tenaga pengajar pun boleh diambil daripada kelulusan yang rendah sedikit, tetapi bukanlah bermakna rendah sangat kerana kelulusan di sini pun adalah perlu bagi kemajuan perusahaan dan perindustrian di negara kita. Bagi pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu juga, Institut Teknologi Kebangsaan (I.T.K.) bukanlah sebuah politeknik. Yang sebenarnya, ialah peringkat universiti juga, tetapi I.T.K. ini ada dua peringkat, kursusnya: yang pertama, peringkat diploma dan satu lagi peringkat ijazah (diploma course and a degree course). Jadi penuntut-penuntut dari Politeknik dan juga Sekolah Menengah Vocational kalau ada kelayakan secukupnya akan masuk dalam I.T.K. dan juga Universiti Malaya yang ada pengajian engineering di sana.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, penjelasan saya terhadap perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 17 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN TEMPATAN (PERUNTUKAN-PERUNTUKAN SEMENTARA) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.20 ptg.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Datuk Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Peruntukan-peruntukan Sementara) (Pindaan), 1974 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Seksyen-kecil (6) Seksyen 4 Akta Kerajaan Tempatan (Peruntukan-peruntukan Sementara), 1973 untuk membuat peruntukan bagi pembayaran gaji kepada seseorang Pegawai Awam yang dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengurusan Undang-undang ini juga bermaksud meminda Jadual kepada Akta tersebut supaya mengekalkan semua Seksyen Ordinan Perbandaran (N.N.S. Bab 133) yang mengenai pegawai dan kakitangan dan juga kontrak.

Seksyen 4 (2) Akta Kerajaan Tempatan (Peruntukan-peruntukan Sementara), 1973 membuat peruntukan melantik Pegawai Awam atau lain orang yang didapati layak dan sesuai sebagai Pengerusi Lembaga Pengurusan dan manakala Pegawai Awam dilantik sebagai Pengerusi, ia hendaklah dibayar gaji dan bukan elaun. Mengikut undang-undang yang ada sekarang ini tidaklah terdapat apa-apa peruntukan membayar gaji. Oleh yang demikian, Seksyen-kecil (6) Seksyen 4 hendaklah dipinda sewajarnya.

Oleh kerana bukanlah tujuannya untuk memansuhkan kesemua peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Bahagian II Ordinan Perbandaran (N.N.S. Bab 133) yang berkaitan dengan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan dan semua perkara yang berbangkit dengannya dan juga semua perkara yang berhubung dengan kontrak, maka oleh yang demikian adalah dicadangkan supaya dipinda Jadual kepada Akta Induk untuk mengekalkan peruntukan-peruntukan ini.

Fasal 3 Rang Undang-undang ini adalah bertujuan mengekalkan Peruntukan-peruntukan tersebut.

Saya suka menambah di sini bahawa sebagai yang dikehendaki di bawah Fasal

95A Perlembagaan Malaysia, Rang Undang-undang ini telah dipersetujui oleh Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.24 ptg.

Dr Tan Chee Khoo (Batu): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap sedikit sebanyak tentang Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dan di samping ini, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Huraian yang ada di dalam Rang Undang-undang ini ialah Seksyen 4 (2) Akta Kerajaan Tempatan (Peruntukan-peruntukan Sementara), 1973 mengadakan peruntukan berkenaan dengan perlantikan seseorang pegawai awam atau lain-lain orang yang layak dan patut sebagai Pengerusi Lembaga Pengurusan. Oleh kerana seseorang pegawai awam dan dilantik diberi gaji dan bukannya elaun seksyen kecil (6) seksyen tersebut perlulah dipinda (*lihat* Fasal 2).

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I would hope that the Honourable Minister, instead of tinkering about these little things, paying a salary instead of an allowance, perhaps not at this sitting, perhaps when the new House meets after the coming elections, will come to us with a more comprehensive Bill and tell us once and for all what the Government intends to do with all the local authorities that are scattered up and down the country instead of tinkering a little here giving the chap a salary instead of an allowance. That is not going to solve the mismanagement that has occurred and is still occurring throughout the country. I shall give one example, Mr Speaker, Sir.

In my own backyard of Batu, there is the biggest new village in the whole country. For two years its local council has not met and it is controlled by a coterie of people who do not meet and they decide. No wonder you have dengue in Jinjang because it is mismanaged. Now I would say that if the Minister would be bold enough to look up the Athi Nahappan Report on Local Government and to say that there should be elections and if there were elections, Mr

Speaker, Sir, in the new villages throughout the country, then this mismanagement will not occur because the people will not tolerate the elected representatives warming their chairs at home doing nothing, perhaps drawing an allowance. So instead of this, perhaps it may be necessary for the purposes of what the Honourable Minister explained, but far more important than these little tinkering here and there is the vital issue of whether there should be or should not be local elections throughout the country and whether the people should have a voice in parish pump politics throughout the country.

4.27 ptg.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong dengan sepenuh-penuhnya Rang Undang-undang ini dan saya juga pada hari ini tidaklah menyokong di atas pilihanraya untuk Majlis Tempatan oleh kerana didapati pada masa dahulu apabila diadakan pilihanraya di dalam Majlis Tempatan, maka di dalam Majlis-majlis Tempatan itu kacau. Dengan sebab itu telah diambil oleh Kerajaan supaya Majlis Tempatan itu berjalan dengan baik dan teratur.

Di sini teguran saya adalah berkenaan dengan Majlis Tempatan ataupun Lembaga Bandaran. Teguran ini adalah berkenaan dengan ahli-ahli yang dilantik pada tiap-tiap tahun atau setahun atau dua tahun sekali, saya ingat tiap-tiap sekali dilantik. Pengerusi Lembaga Bandaran dan tempatan memilih dari orang-orang yang sesuai dengan dia, orang-orang yang boleh berkokok dengan dia, orang-orang yang boleh mengatakan "ya" belaka dengan dia, orang inilah yang dipilih. Jadi apa sahaja perkara boleh dijalankan apa sahaja betul, apa sahaja "ya" oleh kerana ahli-ahli yang dilantik oleh Pengerusi ini dia hendak orang-orang yang mengekornya. Jadi kalau begini berjalan terus-menerus, saya khawatir perjalanan di dalam Majlis Tempatan atau Majlis Bandaran tidaklah begitu elok nanti.

Saya syorkan iaitu pada masa akan datang Menteri sendiri, nama-nama Ahli ini bukannya datang daripada pengerusi-pengerusi itu, nama-nama ini mestilah datang daripada pertubuhan-pertubuhan yang ada di dalam kawasan itu, ataupun orang-orang yang layak dan bertanggungjawab, asalkan datang daripada situ maka Menteri-lah yang melantiknya. Saya kata begitu

kerana kita mahu orang yang membina, bukan cakap pengerusi ini apa sahaja, "ya" belaka. Jadi untuk kebaikan Majlis Tempatan pada masa akan datang maka saya harap Menteri yang bertanggungjawab memerhatikan di atas perkara ini.

4.32 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi sedikit pandangan atas Rang Undang-undang ini.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I regret to note that, from this amendment, it is clear that the Government intends to continue with its plan to do away with the elected system without any intention in the foreseeable future to restore an elective Local Government system. This is most unfortunate because it is very obvious that without an elective local government system, you can have a situation whereby the local councillors, the members of Board of Management who are appointed by the party in power, would invariably be rather unresponsive to the problems, to the hardships, of the people in the townships.

I would just give one instance. For instance, in Malacca the Municipality, which is not elected but appointed, having been taken over by the State Government and under the Commissionership of Datuk Tan Cheng Swee, for the last five years the drains in the Malacca town have not been flushed although, before 1969, there were regular flushing of the drains and as a result this has posed a health problem. But recently, because elections are around the corner, and probably everybody knows that Parliament is going to be dissolved after this meeting and that General Election is to be held on the 24th suddenly the Municipal workers go round Malacca town flushing the drains of Malacca. Sir, this is just one instance. It is said that it is not going to be politics, but you cannot run away from the fact that politics is going to intrude into every facet of local government activities whether it is appointed or otherwise.

Recently, the Honourable Minister was in Penang to officiate the launching of two integrated councils, one for the Island of Penang and the other one for the Province Wellesley when he praised the Chief Minister of Penang for being the first to implement

the Athi Nahappan Royal Commission Report with regard to the reorganisation and the integration of local council units. But what he conspicuously omitted to mention was, in doing that, the Penang State Government has also become the first to violate or to disregard one of the recommendations of the Athi Nahappan Report which is for the continuation of the elective local government system.

I hope that the Honourable Minister will be able to let us know, if he is in a position to do so, for how long this Local Government (Temporary Provisions) are going to continue to be of a temporary nature and whether for the sake of having a more efficient and a more responsive system and for promoting the democratic way of life from the grass-roots upwards, the whole matter can be reconsidered and that the recommendations of the Athi Nahappan Report that there should be the continuation of the elective local government system, which has come about after very long and protracted deliberations, investigations and discussions, can be implemented.

4.35 ptg.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Saya juga memberikan sokongan penuh atas pindaan Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan.

Saya cuma hendak menyentuh dalam satu dua perkara sahaja. Pertama sekali, saya mengucapkan tahniah atas pelaksanaan Kerajaan telah mengemukakan Rang Undang-undang ini dan juga telah menubuhkan satu Kerajaan Tempatan yang ada di Pulau Pinang dan di Seberang Prai. Ini adalah dialu-alukan oleh semua Majlis Tempatan dalam negeri ini.

Saya hendak bangkitkan satu perkara yang dibangkitkan oleh rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka. Katanya, baru-baru ini Majlis Bandaran Melaka telah mula membersihkan longkang dan membersihkan jalanraya. Kesempatan diambil berhubung dengan hampirnya pilihanraya. Saya menolak tuduhan itu bahawa kerja yang dibuat oleh Majlis-majlis Tempatan dalam negeri ini pada masa sekarang ialah dengan sebab mereka hendak membersihkan bandar, menolong hendak mencegah penyakit

demam denggi. Dengan keadaan ini, dengan kehendak Kementerian Kesihatan supaya

Tuan Lim Kit Siang: Untuk penjelasan. Yang Berhormat boleh memberitahu kenapa dia tahu. Dia tahu kenapa 5 tahun tidak ada membersihkan longkang, dan sekarang dengan hampirnya pilihanraya, membersihkan longkang. Kenapa Yang Berhormat tahu sebabnya?

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan masalaah tahu dengan tidak tahu. Barangkali Yang Berhormat ini tidak bersimpati kepada kebersihan di Majlis Bandaran Melaka, dan tidak bersimpati kepada berapa ramai pengundi Yang Berhormat di Bandar Melaka yang kena serang penyakit demam denggi. Kerajaan membersihkan itu bukan dengan tujuan pilihanraya, tujuannya kerana hendak membersihkan bandar, hendak mencegah penyakit demam denggi dan Yang Berhormat ini pun dipanggil oleh Majlis Bandaran Negeri Melaka, tidak sanggup datang membuat kerja gotong-royong yang dianjurkan oleh Kerajaan Perikatan. Mereka cuma bersungut mengeluarkan satu tuduhan yang dimarah oleh rakyat; pengundi Yang Berhormat itu marah dengan sebab Yang Berhormat tidak datang membuat kerja gotong-royong kerana hendak membersihkan Bandar Melaka dengan tujuan hendak kebersihan, bukan dengan tujuan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalaah lain saya sangat bersimpati kepada Rang Undang-undang ini walaupun peruntukan sementara ini dikuatkuasakan dan ini adalah melegakan sungutan-sungutan yang didatangi oleh penduduk-penduduk dalam Majlis Bandaran, Perbandaran dan Majlis Tempatan selama ini sehingga terpaksa Kerajaan mengadakan satu Suruhanjaya. Saya harap dengan adanya pengerusi dan ahli-ahli Majlis ini yang dipersetujui oleh Kerajaan Negeri ia akan bekerja dengan betul-betul, akan memberikan kebajikan, kesihatan dan kemudahan-kemudahan lain yang ada dihadapi oleh Majlis-majlis Tempatan dalam negeri ini dan pada masalaah mengambil peruntukan wang ini. Saya harap diambil wangnya daripada peruntukan-peruntukan Majlis Tempatan ini supaya dapat digunakan untuk faedah

mereka dan juga patut diberikan bantuan oleh Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Pusat.

Satu perkara yang saya ingin dapat tahu berhubung dengan Ahli-ahli Majlis Bandaran, Majlis Tempatan yang lama yang telah memberikan khidmat kepada Majlis Tempatan mereka, saya hendak tahu kedudukan mereka itu sekarang. Adakah mereka itu terus kekal atau sekiranya mereka itu berhenti, apakah sagu hati yang diberi oleh Kerajaan Tempatan ataupun Kerajaan Negeri? Kita patut berterima kasih atas khidmat mereka yang begitu baik menjaga kebajikan dan kebersihan bandar. Saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya patut diberikan sedikit sagu hati kepada mereka yang berhenti itu, jangan kita suruh mereka berhenti dengan lepas tangan sahaja.

Satu perkara lagi yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor ialah memilih Ahli-ahli Majlis ini janganlah dengan sesuka hati satu-satu pihak. Ini kita serahkan kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri bila memilih hendak menentukan Ahli-ahli Majlis ini hendaklah mereka yang benar-benar mahu bertanggungjawab kepada Majlis Tempatan itu dan juga mereka duduk di tempat itu. Mereka hendaklah mempunyai pengaruh kepada orang ramai dan juga pengaruh kepada Kerajaan, dan saya lihat pada masa yang lalu ada juga Kerajaan menunjukkan Ahli-ahli Majlis Tempatan dan Bandaran yang dilantik oleh Kerajaan, tetapi mereka ini tidak dapat menyesuaikan diri dengan kehendak penduduk-penduduk dalam Majlis Tempatan itu.

Sekali lagi saya ucapkan terima kasih bahawa pindaan Rang Undang-undang ini memberi peluang kepada Pengerusi mendapat gaji yang tertentu yang selama ini kita tengok Pegawai Daerah sebagai Pengerusi yang mempengerusikan Majlis, dia pun tidak dapat apa-apa gaji dan elaun. Mereka ini juga patut kita beri elaun kerana khidmat-khidmat mereka pada masa yang lalu sebagai sumbangan kita sebagai sebuah Kerajaan yang adil pada masa ini.

4.40 ptg.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan Rang Undang-undang yang ada di hadapan Dewan ini, saya cuma ingin bercakap dua perkara sahaja.

Yang pertama, baharu sekejap tadi dua orang daripada Ahli Pembangkang apakala bercakap mengenai Rang Undang-undang ini telah menuduh Kerajaan seolah-olah Kerajaan yang ada pada hari ini takut menghadapi pilihanraya. Jikalau dibuat kesimpulan bahawa mereka ini nampaknya terlampau rindu sangat kepada pilihanraya seolah-olah pilihanraya kecil yang pernah berlaku selama ini pihak Kerajaan sahaja yang kalah, dia yang menang. Tetapi, kalau dikira, patut pihak Pembangkang ini berterima kasih tidak diadakan Pilihanraya Kerajaan Tempatan, kerana kalau kita berdasarkan kepada Pilihanraya-pilihanraya Negeri dan Parlimen di dalam Pilihanraya Kecil yang telah diadakan selama ini nampaknya pihak Pembangkang daripada menang itu jauh sekali tetapi nampaknya banyak yang hilang wang pertaruhan.

Saya khuatir dengan penyakit-penyakit lama yang dilakukan oleh setengah-tengah Ahli Pembangkang yang kadang-kadang yang berkuasa di dalam setengah-setengah Kerajaan Tempatan, kalau diadakan Pilihanraya dengan keadaan terburu-buru barangkali tentulah calon-calon mereka akan hilang wang pertaruhan. Dengan sebab itu, saya fikir patut mereka itu terimalah Rang Undang-undang ini sebagai satu rahmat kepada pihak Pembangkang, sekurang-sekurangnya dapat membuat persediaan untuk menghadapi Pilihanraya Umum yang kita akan tempoh tidak berapa lama lagi. Tidak usahlah gaduh sangat kepada Pilihanraya, sebab saya fikir kita akan lebih hampir, bukan lebih jauh.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua, saya ingin menyentuh mengenai dengan Seksyen 4—yang mengatakan di sini “Pengerusi dan ahli-ahli Lembaga hendaklah menerima apa-apa gaji atau elaun atau lain-lain keistimewaan sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak-berkuasa Negeri.” Apa yang saya dapat faham sekarang ini samada gaji atau elaun yang dibayar kepada ahli-ahli ini tidak seimbang antara satu Negeri dengan satu Negeri, apatah lagi antara satu kawasan dengan satu kawasan. Sedangkan tugas yang dihadapi oleh mereka adalah boleh dikatakan kawasan yang mundur itu lebih berat daripada kawasan yang maju, tetapi kebiasaan yang dijalankan sekarang ini di dalam Kerajaan Tempatan, sepanjang yang saya ketahui di kawasan-kawasan yang maju, Pengerusi dan ahlinya dibayar lebih daripada

Pengerusi dan ahli di kawasan-kawasan yang kurang maju. Saya rasa ini adalah satu perkara yang tidak baik diteruskan dan dengan adanya Rang Undang-undang (Pindaan) ini walaupun merupakan satu peruntukan sementara, saya harap perkara-perkara yang tidak elok pada pandangan masyarakat di kelas-kelaskan seperti itu dapat diperbaiki.

Mengenai dengan perlantikan samada Pengerusi dan ahli-ahli, saya juga pernah mendengar daripada setengah-tengah pihak kebanyakan Pegawai-pegawai Kerajaan dilantik menjadi Pengerusi ini kebanyakannya terdiri daripada Pegawai Daerah atau Penolong-penolong. Mereka ini banyak kerja, terutama sekali dengan mesyuarat, kadang-kadang hari-hari mesyuarat. Saya tidak tahulah dan saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dengan peruntukan sementara yang dikatakan di dalam Bil ini Pengerusi dan ahli-ahli, boleh atau tidak Pengerusi pada masa akan datang dengan peruntukan sementara ini dilantik lain daripada Pegawai Daerah atau Penolongnya. Kerana saya dapat faham mereka ini ibaratnya hendak telan tidak masuk, hendak muntah tidak keluar dengan kerja-kerja yang telah dibebankan kepada mereka itu, terutama sekali di kawasan-kawasan yang agak begitu banyak perkara-perkara yang dibebankan oleh Kerajaan kepada mereka. Kalau ini merupakan tidak menjadi satu kesalahan, maka ada lebih baik Pengerusi-pengerusi ini dilantik daripada mereka-mereka yang difikirkan mempunyai masa yang agak lapang untuk mentadbirkan Majlis ini bersama-sama dengan ahli-ahli yang dilantik oleh Kerajaan Negeri.

4.45 ptg.

Tuan Loh Jee Mee (Batang Padang): (Dengan izin) Mr Chairman, Sir, I refer to Clause 2 of this Amendment Act, which seeks to amend sub-section (6) of the Principal Act, which reads as follows:

“(6) The Chairman and members of the Board shall receive such salary or allowance or other privileges as may be prescribed by the State Authority, and any payment made under this subsection shall be charged to the Fund of the Board.”

Sir, since the Chairman is to be regarded as a public officer as stated in the Explanatory Statement, I wonder what will

be the position of appointed members. Are they to be regarded also as public officers who work from 8 a.m. to 4 p.m.? In paying a fixed salary to the Chairman, I would like the Honourable Minister to clarify the status of the Chairman as a Government servant—Division I officer or Division II. I would also like the Honourable Minister to clarify whether the Chairman and members will be given allowances like that given to certain categories of Government servants, e.g., travelling allowances.

As for the term "other privileges" which the Chairman and members of the Board are entitled to, I must warn the Honourable Minister that this is a very vague term. It should be more specific. Does it include housing allowances, free telephone, official car for the Chairman, etc.

The question of appointing members to the Board is another question of interest. Is it going to be a one party government? Be that as it may, I must warn the Government that every time an Act, be it a Principal Act or Amendment Act, pertaining to the survival of local Government is introduced in this House, the Government is taking a step backward in turning the nation more down the path of totalitarianism.

4.48 *ptg.*

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor, dari Muar Utara dan Besut yang menyokong penuh atas pindaan Rang Undang-undang (Pindaan) ini.

Apa yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang apa yang constructive akan diambil perhatian. Tetapi saya mengambil peluang ini menjelaskan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu saya hendak mengingatkan apabila Rang Undang-undang (Pindaan) yang dikemukakan pada hari ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, saya akan bentangkan satu Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan yang bukan sementara, tetapi hendak mengekalkan semua Undang-undang yang sekarang berjalan di dalam negara ini.

Saya bentangkan Rang Undang-undang itu supaya Ahli-ahli Yang Berhormat sedar bahawa Rang Undang-undang yang saya minta diluluskan oleh Dewan ini ialah Rang Undang-undang yang sementara; yang

akan jadi kekal ialah Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan, 1973, saya harap pada masa ini saya dapat bawa kepada Dewan ini untuk diluluskan, tetapi malangnya Rang Undang-undang itu setelah dikemukakan kepada Dewan ini dahulu Rang Undang-undang itupun dikaji semula oleh Majlis Negara Kerajaan Tempatan dan beberapa pendapat telah dikemukakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri supaya beberapa seksyen-seksyen itu perlu dipinda. Oleh kerana itu, hal berkenaan dengan planning (perancangan) itu hendak disemak semula dan oleh kerana itulah tidak sempat saya bawa kepada Dewan yang mulia pada masa ini. Oleh kerana itu, perlulah pindaan kecil ini dikemukakan kepada Dewan yang mulia ini supaya apa yang terdapat dalam Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Peruntukan Sementara), 1973 yang ada sedikit kesilapan yang perlu dibetulkan dan dikemukakan kepada Dewan ini sebelum Akta atau Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan yang akan dikekalkan dibawa ke Dewan yang mulia ini pada hari yang akan datang.

Saya sangat dukacita dengan kenyataan-kenyataan Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang apabila saya bawa apa-apa Rang Undang-undang berkenaan dengan Kerajaan Tempatan, tidak ada lain lagi bahkan mengesyorkan hal pilihanraya. Seperti kata Ahli Yang Berhormat dari Besut sebenarnya beberapa kali kita sudah mengadakan pilihanraya kecil. Keputusan pilihanraya kecil itu telah diketahui oleh orang ramai, dan tidak guna lagi saya beri pendapat saya sendiri. Apa yang perlu kita hendak satu sistem Kerajaan Tempatan yang kekal, yang boleh memberi perkhidmatan yang lebih elok kepada orang ramai. Apa yang disyorkan oleh Royal Commission Datuk Athi Nahappan itu sudah dikaji dengan telitinya oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dalam Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan. Negeri-negeri yang menjadi anggota dalam Majlis itu telah mengambil keputusan iaitu mengambil tindakan menstructurekan Kerajaan-kerajaan Tempatan baharu supaya dapat memberi perkhidmatan yang lebih berkesan lagi kepada rakyat jelata. Itulah tindakan yang diambil oleh Kementerian saya.

Sebelum kita dapat mengirakan samada kita boleh mengadakan pilihanraya atau tidak, itu akan difikirkan pada masa yang

akan datang apabila structure Kerajaan Tempatan itu telah dapat disediakan. Pada masa sekarang ini belum dapat kita mengambil keputusan sebelum jentera perkhidmatan Kerajaan Tempatan disesuaikan. Sebelum jentera perkhidmatan Kerajaan Tempatan disesuaikan, jikalau kita ulangkan seperti dahulu; adakah pilihanraya, akan jadi badan yang dipilih itu seperti dahulu—makin buruk lagi. Rakyat yang berharap sangat kita dapat satu sistem yang bagus seperti dicadangkan oleh Suruhanjaya di-Raja itu tidak dapat disampaikan.

Saya fikir tidak perlu lagi saya menjelaskan luar daripada apa yang telah diterangkan dan dijelaskan, iaitu apa yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut berkenaan elaan yang tidak seimbang dengan kerja-kerja itu, perkara ini akan ditimbangan dalam Majlis dan boleh ditetapkan supaya ini kena dengan tanggungjawab mereka.

Berkenaan dengan Chairman itu tidak mesti datang daripada Pegawai Daerah. Dia boleh pilih pegawai yang lain yang difikirkan oleh Kerajaan Negeri boleh bertanggungjawab di atas perkhidmatan ini. Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULANWANG DISATUKAN (PERBELANJAAN MASUK AKAUN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.12 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang di-

kemukakan di Dewan ini meminta kebenaran sementara bagi perbelanjaan Kerajaan bagi beberapa bulan pada awal tahun 1975 sehingga Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1975 diluluskan oleh kedua-dua Dewan dan mendapat persetujuan di-Raja pada tahun hadapan. Peraturan ini adalah mengikut Perkara 102 (a) Perlembagaan.

Rang Undang-undang ini ialah untuk membenarkan pengeluaran daripada Kumpulanwang Disatukan jumlah wang sebanyak \$816,695,010 yang dianggarkan mustahak bagi perkhidmatan Kerajaan untuk tempoh tiga bulan yang pertama dalam tahun 1975. Jadual kepada Rang Undang-undang ini menyediakan peruntukan-peruntukan bagi perkhidmatan-perkhidmatan tertentu untuk masa itu tetapi tidak termasuk Kepala Bekalan 61—Jabatan Talikom yang akan dibiayai oleh sumber-sumbernya sendiri mengikut Bahagian 11A Akta Talikom tahun 1950. Perbelanjaan yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini tidak termasuk perbelanjaan tanggungan yang sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, tidak dikehendaki diluluskan oleh Rang Undang-undang Perbekalan tahunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG ACARA KEWANGAN DAN KUMPULANWANG PEMBANGUNAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.15 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang dikemukakan pada petang ini meminta kebenaran supaya perbelanjaan yang dilakukan lewat dalam satu-satu tahun kewangan boleh dimasukkan ke dalam akaun tahun kewangan yang sama.

Undang-undang yang ada sekarang ini tidak membenarkan setengah-setengah perbelanjaan yang dilakukan selepas 15hb Disember tiap-tiap tahun kewangan dikenakan kepada akaun tahun itu. Ini telah menyebabkan banyak perbelanjaan dikenakan kepada akaun tahun kewangan yang berikutnya. Dengan demikian, perbelanjaan dalam akaun awam bagi tiap-tiap tahun kewangan tidaklah menunjukkan gambaran yang tepat dan juga tidak seimbang dengan kutipan hasil bagi tahun yang berkenaan.

Untuk memperkemas keadaan yang terdapat sekarang ini dari segi perakaunan, adalah dicadangkan supaya buku akaun satu-satu tahun itu dibuka sehingga ke tarikh akhir bulan pertama tahun kewangan yang berikutnya. Dengan ini perbelanjaan lewat yang dilakukan itu dapat dimasukkan ke dalam akaun kewangan tahun itu. Bagi maksud ini, peruntukan di dalam Akta Acara Kewangan tahun 1957 dan Akta Kumpulanwang Pembangunan tahun 1966 kenalah dipinda seperti yang terdapat di dalam Rang Undang-undang yang dikemukakan ini. Pindaan ini bermakna bahawa sistem perakaunan tunai yang digunakan sekarang akan ditukar kepada sistem perakaunan ubahsuai tunai—iaitu satu usaha ke arah pelaksanaan Sistem Belanjawan, Program dan Prestasi yang telah diterima oleh Kerajaan dalam tahun 1968 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1973 DAN 1974)

Bacaan Kali Yang Kedua

5.20 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi dua Anggaran Tambahan, satu sebagai Tambahan Ketiga, 1973 dan yang satu lagi sebagai Tambahan Pertama, 1974.

Fasal 2 Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi perbelanjaan tambahan sebanyak \$46,931,863 bagi perkhidmatan tahun 1973 dan ini termasuk \$7,514,010 yang bertanggung atas Kumpulanwang Disatukan.

Di dalam Tambahan ini, sebanyak \$9,331,195 dikehendaki untuk membiayai bayaran elaun bantuan khas kepada kakitangan dan bagi menampung kenaikan jumlah bekalan perubatan dan makanan di Pusat-pusat Kesihatan, Klinik-klinik Bidan dan di Hospital-hospital; \$2,696,000 untuk membiayai perbelanjaan mengurus Instituti Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI); \$7,199,963 untuk membiayai bayaran tunggakan dan gaji kepada kakitangan di dalam Perkhidmatan Pelajaran, Sabah berikutan dengan pelaksanaan Lapuran Aziz; \$5,394,021 bagi menjelaskan tuntutan-tuntutan oleh Singapura terbit dari perpisahan pada tahun 1965 mengenai bayaran sewa kawasan dan bangunan-bangunan yang diduduki oleh Angkatan Bersenjata Malaysia bagi tempoh 9hb Ogos, 1965 hingga 31hb Mei, 1972 dan juga sumbangan kepada Universiti Singapura bagi 92 orang pelajar Malaysia yang menuntut di Universiti tersebut; \$3.5 juta.

bagi diperuntukkan kepada Kumpulanwang Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan; \$5.5 juta untuk menambah kira-kira Pelbagai Pendahuluan; \$2,332,163 untuk membiayai bayaran komisyen kepada wakil-wakil Iklan di dalam tahun 1973. Yang lainnya merupakan butiran-butiran kecil untuk perkhidmatan-perkhidmatan pelbagai yang diterangkan dengan lanjutnya di dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 tahun 1974.

Fasal 3 Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi perbelanjaan tambahan sebanyak \$129,138,114 bagi perkhidmatan tahun 1974.

Dalam Tambahan ini peruntukan sebanyak \$28 juta dikehendaki untuk membolehkan Kerajaan mengadakan buku-buku teks bagi penuntut-penuntut dari kumpulan yang berpendapatan rendah di sekolah-sekolah rendah dan menengah Kerajaan di Malaysia; \$42 juta untuk membolehkan Lembaga Padi dan Beras Negara (L.P.N.) membeli 85,000 tan lagi beras daripada Negeri China untuk simpanan "stockpilenya"; \$47.5 juta untuk membolehkan Kementerian Pertanian dan Perikanan mengimpot dan mendapatkan bekalan urea daripada peniaga-peniaga tempatan dengan harga pasaran yang ada pada masa sekarang dan menjual serta membahagikan kepada petani-petani melalui Lembaga Pertubuhan Peladang di beberapa pusat pengedarnya; \$1 juta untuk membiayai perbelanjaan mengurus Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia; \$2,660,000 bagi membiayai perbelanjaan Persidangan ke 5 Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam yang telah berlangsung di Kuala Lumpur pada 21hb Jun hingga 25hb Jun, 1974 dan \$6 juta bagi diperuntukkan kepada Kumpulanwang Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan. Yang lainnya adalah kecil jumlahnya dan diterangkan dengan lanjut dalam Memorandum Perbendaharaan yang dikemukakan sebagai Kertas Perintah 6 tahun 1974.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 3), 1973 DAN (TAMBAHAN) (BIL. 1), 1974

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa usul yang di kemukakan

atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat dirojak kepada Jawatan-Majlis. Usul tersebut berbunyi:

Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$4,401,780 dan satu jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$122,049,550 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan masing-masing bagi tahun kewangan 1973 dan 1974, dan bagi maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan-kepala perbelanjaan tersebut di ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 7 tahun 1974 mengenai wang tambahan bagi tahun 1973 dan Kertas Perintah 9 tahun 1974 mengenai wang tambahan bagi tahun 1974, diuntukkan jumlah yang tersebut di ruangan lapan dan sembilan setentang dengan kepala-kepala dan pecahan-pecahan-kepala dalam senarai kedua-dua Kertas Perintah itu.

Oleh kerana Usul ini meliputi dua Anggaran Pembangunan Tambahan, saya bercadang hendak mengemukakan lebih dahulu Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga, 1973, yang dibentangkan dalam Dewan ini sebagai Kertas Perintah 7 tahun 1974 dan diikuti dengan Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama, 1974 sebagai Kertas Perintah 9 tahun 1974.

Anggaran Tambahan Ketiga, 1973, menunjukkan perbelanjaan tambahan sebanyak \$4,401,780 adalah dikehendaki, melebihi perbelanjaan yang telah diluluskan dalam Anggaran Pembangunan, 1973. Dari jumlah ini, peruntukan sebanyak \$2.9 juta merupakan pinjaman kepada Syarikat Perusahaan Makanan Malaysia Sendirian Berhad (FIMA) untuk menambah modal pusingan bagi cawangan syarikatnya iaitu Kilang Nenas Malaysia Sendirian Berhad; \$1,043,000 untuk membeli sebuah "apartment" bagi Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Hong Kong dan bangunan Canseri di Hague. Dalam tambahan ini peruntukan sebanyak \$3,358,780 telah didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka yang mana termasuk 8 peruntukan tanda sebanyak \$10 tiap-tiap satu. Tujuannya ialah untuk meminda jumlah anggaran harga projek-projek yang berkenaan dan untuk mengadakan peruntukan bagi pecahan-pecahan-kepala yang sedia ada tetapi wang tidak diperuntukkan di dalam Anggaran Asal. Peruntukan

tambahan yang diperlukan bagi peruntukan-peruntukan tanda itu boleh diperolehi dari wang simpanan di dalam Kepala itu manakala yang lainnya adalah perlu untuk mendapatkan peruntukan tambahan melalui Anggaran Tambahan.

Butir-butir selanjutnya mengenai Tambahan ini ada diberikan di dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 8 tahun 1974.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya akan mengemukakan Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama, 1974 yang menunjukkan perbelanjaan tambahan sebanyak \$122,049,550 yang melebihi peruntukan yang telah diluluskan dalam Anggaran Pembangunan, 1974. Daripada jumlah ini, peruntukan sebanyak \$46,202,020 telah didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka yang ditunjukkan di bawah Kepala P. 65—Luar Jangka dalam Anggaran Pembangunan. Maka adalah perlu untuk mendapatkan balik jumlah tersebut melalui Anggaran Tambahan.

Dalam Tambahan ini, peruntukan sebanyak \$122,049,550 adalah dikehendaki seperti berikut:

- (a) Kepala P. 7—Perdana Menteri—sebanyak \$20 juta dikehendaki dalam tahun ini sebagai pinjaman kepada Bank Pertanian Malaysia mengikut jadual pengeluaran perjanjian pinjaman;
- (b) Kepala P. 15—Kementerian Perusahaan Utama—sebanyak \$4 juta dikehendaki sebagai modal bersama Kerajaan dalam Syarikat Perusahaan Makanan Malaysia Sendiran Berhad (FIMA) untuk membolehkan Syarikat ini menanam modal di dalam berbagai projek;
- (c) Kepala P. 16—Kementerian Perdagangan dan Perindustrian—sebanyak \$99,500 dikehendaki untuk membeli rumah kediaman rasmi Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di Nairobi;
- (d) Kepala P. 23—Perbendaharaan—sebanyak \$90 juta merupakan pinjaman dari jumlah ini \$20 juta dikehendaki oleh Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri bagi membiayai beberapa projek pembangunan, \$25 juta untuk membolehkan PERNAS meluas dan melaksanakan berbagai kegiatan perniagaan, \$15 juta dikehendaki oleh

Bank Pembangunan Malaysia dan \$30 juta sebagai pinjaman kepada Kerajaan Negeri Selangor bagi membiayai projek-projek yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa;

- (e) Kepala P. 44—Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan—sebanyak \$140,000 dikehendaki sebagai pinjaman kepada Majlis Perbandaran Melaka bagi pembinaan parit di Kawasan Perbandaran;
- (f) Kepala P. 47—Arkib dan Perpustakaan Negara—sebanyak \$110,000 dikehendaki bagi pembinaan dan menyiapkan Bangunan Gedung;
- (g) Kepala P. 50—Kementerian Pembangunan Ekonomi Desa—sebanyak \$2.5 juta dikehendaki sebagai pinjaman kepada Lembaga Pertubuhan Peladang bagi membiayai berbagai projek;
- (h) Kepala P. 53—Kementerian Perhubungan—sebanyak \$4.2 juta dikehendaki sebagai pinjaman kepada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang bagi pembinaan dua buah “terminal” feri di Butterworth dan George Town; dan
- (i) Kepala P. 63—Kementerian Kerja Raya dan Tenaga—sebanyak \$1 juta dikehendaki sebagai pinjaman kepada Kerajaan Negeri Trengganu bagi pembinaan Bangunan-bangunan dari Kerajaan Negeri.

Butir-butir selanjutnya mengenai Tambahan ini ada diberikan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 10 tahun 1974.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soal dihadapan Majlis kita sekarang ialah “bahawa Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan-wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1973 dan 1974 dan bagi memperuntukan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu” dibaca bagi kali yang kedua sekarang, dan juga bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat

Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang. Kedua-dua masalah ini sekarang adalah terbuka untuk perbahasan.

5.32 ptg.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bercakap sedikit atas Usul dan Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri Kewangan dan di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, the classic Keynesian concept of the government pumping funds into the economy at a time of slump and of the government withholding this expenditure in an inflationary period does not seem to be practised by the Government although the Government, of course, is well aware of this classic Keynesian concept and the Government has stated that it will cut down on expenditure because already there is too much money in the country chasing too few goods.

Now, in considering these 4 sets of Supplementary Supply Bills, the Development Expenditure for this year is roughly of the order of \$2,000 million and again we are now asked to approve a Supplementary provision of \$122 million-plus. This, together with the Supplementary Supply Bill of \$129 million-plus on the Ordinary Expenditure, means that the Government is pumping into the public sector an extra \$250 million, by no means a very small sum of money. If you take into account the Supplementary Supply Bills towards the end of last year in the order of about 750 million, it means that the Government is asking this House this evening to approve \$300 million and is pumping it into the public sector. I do not say, Mr Speaker, Sir, that all this money is not required. All that I would now call on the Government and its officials is to examine the expenditure very carefully, so that no item of expenditure which can be held back should be spent this year in order that there should not be too much money in circulation.

Election Commission

Having enunciated the principle that the Government should follow, Mr Speaker, Sir, I now wish to touch on some specific items of expenditure as listed, first of all, in

